



Indeks Literasi Kewangan Islam

Memahami Tahap Literasi
Kewangan Berlandaskan
Syariat Islam





Indeks Literasi Kewangan Islam

Memahami Tahap Literasi
Kewangan Berlandaskan
Syariat Islam

Laporan ini diterbitkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Penelitian telah diambil oleh ketiga-tiga organisasi di atas untuk memastikan ketepatan maklumat dalam laporan ini. Walau bagaimanapun, AKPK, UKM dan IKIM tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan atau peninggalan atau sebarang liabiliti yang timbul berpunca atau akibat daripada rujukan, penggunaan atau penyalahgunaan maklumat tersebut. Pandangan dan pendapat dalam laporan ini boleh digunakan untuk tujuan maklumat sahaja.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain oleh mana-mana pihak, tanpa kebenaran bertulis daripada AKPK atau UKM atau IKIM terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Level 5 & 6, Menara Aras Raya
11 Jalan Raja Laut, 50100 Kuala Lumpur
Tel: 03 2616 7766
Emel: research@akpk.org.my

Dengan kerjasama:

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600, Bandar Baru Bangi, Selangor
Tel: 03 8921 5366
Emel: eychah@ukm.edu.my

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

No. 2, Langgak Tunku Off Jalan Tuanku Abdul Halim,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03 6204 6200
Emel: pr@ikim.gov.my

Isi Kandungan

Prakata	7
Ringkasan Eksekutif	8
Tentang Responden	12
Pembangunan Indeks Literasi Kewangan Islam	15
Indeks Literasi Kewangan Islam (Keseluruhan)	29
Indeks Pengetahuan Kewangan Islam	35
Indeks Tingkah Laku Kewangan Islam	47
Indeks Sikap Kewangan Islam	55
Literasi Kewangan Digital	63
Ke Arah Memantapkan Literasi Kewangan Islam	67
Rujukan	70
Kumpulan Penyelidik	72

Prakata



Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarganya dan para sahabat sekalian.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, di atas segala limpahan rahmat dan hidayah-Nya, laporan ini berjaya diterbitkan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan AKPK Financial Education and Well-being Research Centre (FEWRC) yang berkolaborasi dalam penerbitan laporan ini. Penghargaan juga diberikan kepada pakar-pakar yang turut terlibat dalam menjalankan validasi dan semakan kandungan laporan bagi memastikan ianya dijalankan mengikut piawaian yang terbaik. Tidak lupa juga, penghargaan kepada lebih daripada 200 peserta di sekitar Lembah Klang yang telah meluangkan masa menjawab kaji selidik ini.

Laporan ini adalah salah satu hasil daripada memorandum persefahaman yang telah ditandatangani bermula pada tahun 2021 oleh UKM, IKIM dan AKPK. Memorandum persefahaman ini, antara lain menyasarkan penerbitan kajian yang bertujuan untuk memahami tahap literasi kewangan Islam dalam kalangan Muslim di Malaysia. Kepelbagaian kepakaran yang diperolehi oleh ahli penyelidik daripada ketiga-tiga organisasi ini saling melengkapi antara satu sama lain dan berjaya mencipta sinergi yang baik.

Topik literasi kewangan Islam ini telah dikenal pasti sebagai suatu topik yang amat penting di dalam usaha untuk membina dan menyediakan umat Islam di Malaysia mendepani cabaran kewangan. Agama Islam memberi panduan kepada umatnya untuk menguruskan kewangan dengan baik dan ianya dituntut bagi memastikan kemaslahatan ummah. Selain daripada menguruskan kewangan dengan baik, amalan pengurusan kewangan mengikut syariat Islam juga dapat memastikan keberkatan kehidupan di dunia dan akhirat.

Laporan ini dimulai dengan perbincangan konsep pengurusan kewangan Islam yang berlandaskan

kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis. Berpandukan dalil-dalil dan hadis-hadis, indeks kewangan Islam yang meliputi komponen-komponen Islamik dibentuk dan dinilai bagi menggambarkan tahap literasi kewangan Islam. Bab tambahan mengenai literasi kewangan digital juga dibincangkan secara ringkas bagi memberi gambaran tentang bagaimana umat Islam menggunakan teknologi di dalam menjalankan pengurusan kewangan Islam.

Diharapkan supaya dapatan kajian ini dapat memberi input untuk menggubal atau menambahbaik apa-apa dasar yang berkaitan. Begitu juga kepada para penyelidik dan pakar-pakar ilmuwan, diharap untuk terus mengkaji topik ini dan pihak AKPK sentiasa membuka peluang untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak. Semoga dengan usaha ini, umat Islam di Malaysia bukan sahaja boleh menguruskan kewangan yang baik, malah mengaplikasi kaedah Islamik bagi mencapai keberkatan kehidupan di dunia dan akhirat.

Sama-samalah kita berganding bahu ke arah membina masyarakat Islam yang berdaya tahan kewangan serta mencapai kesejahteraan kewangan dan seterusnya kehidupan yang terbaik, insya-Allah.

Azaddin Ngah Tasir

Ketua Pegawai Eksekutif

Ringkasan Eksekutif

Literasi kewangan adalah penting dalam memastikan pengguna membuat keputusan kewangan yang baik. Kewajipan mematuhi kaedah pengurusan kewangan berlandaskan syariat Islam mendorong keperluan untuk penyelidikan literasi kewangan Islam ini. Kajian ini mendedahkan lanskap tahap literasi kewangan Islam dalam kalangan 220 responden yang diambil sekitar Lembah Klang.

Beberapa dapatan yang telah diringkaskan bagi memahami jurang literasi kewangan untuk penambahbaikan, dibincangkan seperti di bawah:

Pembangunan Indeks Literasi Kewangan Islam

Kajian ini telah membangunkan kaedah penilaian literasi kewangan Islam dengan menggunakan tiga dimensi iaitu pengetahuan, tingkah laku dan sikap sebagai dimensi pengukuran serta menerapkan elemen-elemen Islamik seperti komponen iaitu penghasilan harta, pengumpulan harta,


perlindungan harta, penyucian harta, pengagihan harta dan pengurusan hutang.

Indeks Literasi Kewangan Islam Gambar Rajah 1



Indeks Literasi Kewangan Islam

Carta 1



Literasi kewangan Islam berada pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, jurang yang besar telah dikenal pasti dalam dimensi pengetahuan kewangan Islam

Indeks pengetahuan yang memberi gambaran tentang tahap kefahaman tentang pengurusan kewangan Islam berada pada tahap yang agak membimbangkan. Kelemahan pengetahuan kewangan yang ketara telah dikenal pasti dan topik-topik yang telah dikategorikan sebagai "lemah" dan "sangat lemah" adalah seperti berikut:

- Pengurusan hutang:**
 - Peranan saksi di dalam perjanjian pinjaman
 - Keperluan pinjaman
- Penyucian harta:**
 - Wakaf
 - Zakat simpanan
- Perlindungan harta:**
 - Penipuan kewangan
 - Takaful dan keperlunyaannya
- Pengagihan harta:**
 - Hibah
 - Wasiat
 - Faraid
- Pengumpulan harta**
 - Konsep pelaburan dan risiko
 - Penerimaan harta waris



Tingkah Laku Kewangan Islam Yang Perlu Dimantapkan


Secara amnya, indeks tingkah laku kewangan Islam direkodkan berada pada tahap yang bagus. Walau bagaimanapun, masih ada lagi jurang yang perlu diisi bagi memantapkan literasi kewangan Islam secara keseluruhan. Beberapa dapatan yang menunjukkan bahagian-bahagian tingkah laku yang sepatutnya diberikan perhatian adalah seperti berikut:

Kebanyakan responden membayar zakat fitrah. Walau bagaimanapun, tingkah laku yang lemah telah dikenal pasti bagi pembayaran zakat perniagaan, zakat pendapatan dan zakat simpanan. Kajian mendapati bahawa sebilangan responden yang berniaga iaitu sebanyak 35% daripada mereka mengaku tidak membayar zakat perniagaan. Sementara itu, hanya 53% daripada mereka yang menjana pendapatan membayar zakat pendapatan. Jurang yang besar telah dikenal pasti bagi zakat simpanan apabila 69% daripada responden tidak membayar zakat simpanan.




Bayaran Zakat

Gambar Rajah 2




65%

Membayar zakat perniagaan
(Bekerja sendiri, N-17)



53%

Membayar zakat pendapatan
(Memiliki pendapatan, N-198)



31%

Membayar zakat simpanan
(Semua responden, N-220)

Kajian mendapati bahawa tingkah laku dalam melanggan pembiayaan patuh syariah adalah baik. Walaupun begitu, masih ada segelintir daripada responden yang mengambil pinjaman konvensional.


Pembiayaan Islamik bebas daripada unsur-unsur riba yang diharamkan dalam Islam. Walaupun begitu, masih ramai lagi yang tidak mepedulikan pilihan produk Islamik dan masih lagi membuat pinjaman konvensional. Beberapa pembiayaan yang dikenal pasti masih lagi bukan Islamik.

Seramai 24% daripada responden mempunyai pinjaman konvensional untuk pinjaman sewa beli kereta, diikuti dengan 12% daripada mereka mempunyai pinjaman konvensional yang diambil untuk perumahan. 10% daripada responden mengambil pinjaman peribadi konvensional dan kad kredit.

Gambar rajah 3 di bawah menunjukkan peratusan responden yang mempunyai pinjaman konvensional dan pembiayaan patuh syariah.

Pinjaman

Gambar Rajah 3



Golongan muda perlu diberikan perhatian kerana mempunyai literasi kewangan yang rendah

Selain daripada jurang yang didapati berdasarkan topik, secara konsisten, dapatan kajian

mendapati bahawa mereka yang lebih muda mencatatkan indeks yang lebih rendah. Perkara ini adalah selari dengan banyak kajian di mana membuktikan bahawa literasi kewangan dalam kalangan orang-orang muda adalah lemah.



Usaha yang bersasar dan kerjasama semua pihak diperlukan sebagai usaha untuk meningkatkan tahap literasi kewangan Islam dalam kalangan masyarakat Muslim.

Penekanan kepada pembelajaran yang berimpak tinggi diperlukan untuk mempengaruhi tingkah laku yang positif. Pembelajaran atau maklumat yang diberikan hendaklah disampaikan dengan baik dan efektif. Sebagai contoh, apabila pembelajaran yang dijalankan dengan cara yang menyeronokkan dan penglibatan oleh peserta juga baik, kebarangkalian untuk peserta mengingat perkara yang dipelajari adalah tinggi.

Kajian ini juga mendapati bahawa beberapa tingkah laku perlu ditambah baik seperti pengambilan pinjaman konvensional yang mempunyai unsur riba dan pembayaran zakat simpanan yang masih belum berada pada tahap memuaskan dalam kalangan masyarakat Muslim.

Advokasi berterusan dalam saluran digital di samping menggunakan naratif yang berkesan bagi mempengaruhi pengguna, khususnya kepada kalangan golongan muda. Di samping pembelajaran yang berstruktur, advokasi tidak formal yang menggunakan platform digital juga seharusnya digunakan. Bagi memastikan kempen advokasi lebih berjaya, idea "Pengurusan Kewangan Berlandaskan Syariat Islam" perlu ditekankan.

Kolaborasi di antara pemegang-pemegang taruh diperlukan bagi memastikan agenda pemantapan literasi kewangan Islam ini dapat direalisasikan. Tanggungjawab ini bukan sahaja perlu dipikul oleh agensi-agensi kerajaan, sebaliknya juga memerlukan sambutan yang baik dalam kalangan pemegang taruh lain seperti agensi bukan kerajaan, organisasi komuniti, pihak swasta dan lain-lain.

Selain daripada itu, perunding kewangan disarankan untuk mendapatkan latihan berkaitan pengurusan kewangan Islam. Selain pemain industri profesional, pihak individu berpengaruh seperti penceramah agama, motivator dan pengengaruh turut didapati memberi nasihat pengurusan kewangan. Oleh itu, mereka dicadangkan untuk mengambil latihan pengurusan kewangan Islam untuk meneroka input kewangan Islamik sebagai bahan dalam penyampaian.

Akhir sekali, kajian yang menyeluruh di peringkat nasional juga diperlukan. Oleh kerana responden yang menyertai kajian ini adalah terhad dalam kalangan mereka yang berada di Lembah Klang sahaja, dapatan ini hanya terpakai untuk menggambarkan tahap literasi kewangan Islam dalam kalangan Muslim di Lembah Klang sahaja. Kajian yang menyeluruh pada peringkat kebangsaan wajar dilakukan pada masa akan datang dengan kolaborasi pemegang-pemegang taruh yang berkenaan.

Tentang Responden

Jumlah responden = 220

JANTINA

Lelaki

46%

Perempuan

54%

UMUR

20-29 tahun

22%

30-39 tahun

41%

40-49 tahun

32%

60 tahun dan ke atas

5%



TAHAP PENDIDIKAN

SPM/SPMV & ke bawah

32%

STPM/Diploma

26%

Ijazah Sarjana Muda

28%

Sarjana/ Kedoktoran

14%



STATUS PERKAHWINAN

Bujang

24%

Berkahwin

75%

Berceraai

1%



BILANGAN TANGGUNGAN

1 orang

13%

2 orang

16%

3 orang

16%

4 orang

15%

5 orang

17%

6 orang

15%

7 orang

6%

8 orang

2%

PENDAPATAN ISI RUMAH (SUAMI DAN ISTERI)

<RM2,000

10%

RM2,001 - RM4,000

44%

RM4,001-RM6,000

19%

RM6,000-RM8,000

10%

RM8,001-RM10,000

6%

>RM10,000

11%



PEKERJAAN

Kakitangan kerajaan

55%

Kakitangan swasta

24%

Tidak bekerja

9%

Bekerja sendiri

8%

Bersara

3%

Pelajar

1%



NEGERI

Selangor

80%

Putrajaya

11%

Kuala Lumpur

9%



MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

**Pembangunan
Indeks Literasi
Kewangan Islam**

Pembangunan Indeks Literasi Kewangan Islam

Literasi kewangan dari sudut umum

Ahli akademik mengaitkan literasi kewangan dengan kefahaman prinsip kewangan asas dan berkebolehan melakukan pengiraan asas berkaitan pengurusan wang (Lusardi & Mitchell, 2011; Lusardi & Tufano, 2008). Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), yang merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang berusaha untuk membina dasar yang lebih baik untuk kehidupan telah memperluaskan literasi kewangan sebagai gabungan tiga dimensi asas iaitu "Pengetahuan Kewangan," "Tingkah Laku Kewangan" dan "Sikap Kewangan." Konsep ini dibangunkan selepas beberapa tahun penyelidikan dalam literasi kewangan yang boleh ditemui di dalam beberapa kajian (OECD, 2005, 2014; OECD INFE, 2011; OECD INFE, Atkinson, & Messy, 2012). Secara amnya, konsep literasi kewangan yang berpandukan pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan ini telah mendapat penerimaan meluas dalam kalangan penyelidik di seluruh dunia.

Pengetahuan Kewangan

Dalam konteks pengetahuan kewangan, OECD (2013) mentakrifkan pengetahuan kewangan sebagai kefahaman dan kesedaran tentang konsep kewangan asas seperti risiko kewangan, serta keupayaan, pemacu, dan jaminan untuk menggunakan pengetahuan untuk membuat keputusan berpandukan maklumat yang ada dalam pelbagai situasi kewangan. OECD/INFE meluaskan tumpuannya kepada konsep asas seperti memahami faedah mudah dan kompaun, konsep nilai masa wang, dan kesan inflasi ke atas harga produk dan pulangan pelaburan (OECD/INFE, 2011). Beberapa kajian juga menekankan kepentingan dimensi pengetahuan kewangan dalam menilai literasi kewangan seseorang (Bucher-Koenen & Lusardi (2015), Lusardi, Mitchell, & Mitchell (2011), Huston (2010)).

Tingkah Laku Kewangan


Tingkah laku kewangan merujuk kepada cara seseorang individu mengendalikan, mengawal dan menggunakan aset kewangan peribadi mereka (Hasibuan, Lubis, & HR, 2017). Contoh utama tingkah laku kewangan yang baik adalah

mempunyai pelan belanjawan kewangan yang jelas, serta pemantauan yang teliti terhadap belanjawan dan sumber peribadi seseorang (Lusardi & Tufano, 2008; OECD INFE et al., 2012; Remund, 2010). Sementara itu, seseorang individu dikatakan mempamerkan tingkah laku kewangan yang baik apabila menjalankan aktiviti secara aktif dalam menyimpan, memastikan pembayaran tepat pada masanya dan menilai dengan teliti keupayaan kewangan mereka sebelum berbelanja (Agarwalla, Barua, Jacob, & Varma, 2013; Atkinson & Messy, 2011; Klapper, Lusardi, & Panos, 2013). Perancangan persaraan, pengumpulan aset, dan pengurusan aset yang berkesan juga termasuk sebagai elemen tingkah laku kewangan (Lusardi & Mitchell, 2008; Lusardi et al., 2011; M. van Rooij, Lusardi, & Alessie, 2007, 2009). Tingkah laku kewangan adalah perkara yang penting kerana ia akan memberi kesan yang besar terhadap kesejahteraan kewangan seseorang (AKPK, 2018a).

Sikap Kewangan

Agarwalla et al. (2013), Lusardi & Mitchell (2008, 2011), OECD INFE et al. (2012), dan M. C. J. Van Rooij, Lusardi, & Alessie (2011) menegaskan bahawa sikap seseorang individu mempamerkan pemikiran kewangan yang menggalakkan tingkah laku yang membina tentang perancangan kewangan. Untuk persaraan, konsep sikap persaraan juga telah dikenal pasti sebagai komponen penting dalam sikap kewangan (Agarwalla et al., 2013).

Dimensi Literasi Kewangan Gambar Rajah 4





Penerapan Komponen Islamik di dalam pengukuran Indeks Literasi Kewangan Islam

Pengenalan

Pembangunan Indeks Literasi Kewangan Islam (ILKI) ini dimulakan dengan menggunakan takrifan literasi kewangan yang telah dibangunkan oleh OECD, di mana dimensi "Pengetahuan," "Tingkah laku" dan "Sikap" diambil kira. Seterusnya, komponen Islamik telah diterapkan berdasarkan sumber utama iaitu al-Quran dan hadis. Beberapa potongan ayat-ayat suci al-Quran digunakan bagi menyokong cadangan komponen Islamik yang diterapkan di dalam konteks literasi kewangan.

Islam menuntut umatnya supaya mendapatkan ilmu yang bersesuaian untuk mencapai kejayaan termasuklah di dalam bidang menguruskan kewangan. Ini adalah bagi memenuhi keperluan hidup yang dihajati seterusnya mencapai kesejahteraan atau kejayaan di dunia dan akhirat.

Dalam usaha mendapatkan ilmu, rujukan dan bimbingan daripada mereka yang bertauliah adalah amat penting supaya tindakan yang dilakukan juga tepat dan bersesuaian. Tuntutan untuk mendapatkan ilmu daripada mereka yang berpengetahuan berdasarkan firman Allah SWT:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٦٣﴾

"Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan (ahli zikr) jika kamu tidak mengetahui."

[Surah al-Nahl: 43]

Menurut tafsir al-Quran *Tadabbur wa Amal*, perkataan *ahl al-Zikr* merujuk kepada golongan yang berpengetahuan dan mahir dalam sesuatu bidang. Maka, pengetahuan (diperolehi melalui membaca, memerhati dan memahami) merupakan kunci utama dalam penambahbaikan kemahiran berfikir ke atas individu Muslim sama ada perkara yang benar (*al-haq*) atau salah (*al-bathil*). Sebagaimana firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩١﴾

"Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" "Sesungguhnya orang yang berakal-lah yang dapat menerima pelajaran."

[Surah az-Zumar: 9]

Tambahan pula, pentingnya berdoa untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sebagaimana firman Allah SWT:

وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١١٤﴾

"Dan katakanlah: "Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan."

[Surah Taha: 114]

Dengan demikian, menuntut ilmu adalah satu kewajipan bagi setiap Muslim untuk memperbaiki diri dan memperkukuhkan iman, serta berfungsi sebagai panduan dalam menjalani kehidupan yang diredai Allah SWT.

Konsep literasi kewangan Islam di dalam konteks muamalat juga harus diteliti. Maka tidak hairanlah jika Khalifah Saidina Umar al-Khathab sendiri memberi amaran:

"Jangan kamu berjual beli di pasar kecuali telah mendalami ilmu/ hukum agama tentangnya"

[Hadis Riwayat at-Tirmidzi: 487]

Dalam mengukur celik kewangan yang berpaksikan ajaran Islam, beberapa komponen Islamik yang penting diambil kira seperti di bawah:

Indeks Literasi Kewangan Islam

Gambar Rajah 5



Penghasilan harta

Islam menuntut umatnya menghasilkan harta menggunakan jalan yang halal dan melarang penghasilan harta yang dijana berpunca daripada sumber atau cara yang menyalahi aturan syariah. Contoh pelanggaran syariah adalah seperti perolehan harta secara batil, pecah amanah, pencurian, penipuan, dan unsur-unsur larangan lain seperti amalan *riba*, ketidakpastian (*gharar*) dan judi (*maisir*). Larangan keras menjana pendapatan dengan perbuatan berjudi ditekankan di dalam ayat 90 surah al-Ma'idah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ
رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan."

[Surah al-Ma'idah: 90]

Islam juga menuntut umatnya untuk bekerja keras dan berusaha dalam mencapai kesempurnaan hidup bagi dirinya. Hal ini diriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Aisyah RA, Rasulullah ﷺ bersabda:

"Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang."

[Hadis Riwayat al-Tabarani: 897]

Pengumpulan harta

Komponen pengumpulan harta menekankan konsep simpanan bagi menyiapkan diri untuk mendepani keadaan yang tidak menentu. Kisah yang masyhur tentang Nabi Yusuf AS yang mentafsirkan mimpi Raja Mesir memberi peringatan supaya membuat simpanan makanan. Kisah ini memberi pengajaran yang sangat baik berdasarkan dalil Surah Yusuf ayat 46-49:

يُوسُفُ أَيُّهَا الصَّادِقُ أَفْتِنَا فِي سَبْعِ بَقَرَاتٍ
سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعِ سُنبُلَاتٍ خُضْرٍ
وَأُخْرَىٰ يَأْسَتِ لَعَالِي آرْجَعُ إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٤٦﴾ قَالَ
تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا
قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ
مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَحْصُونَ ﴿٤٨﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ
عَامٌ فِيهِ يَغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعِصْرُونَ ﴿٤٩﴾

"Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya"

Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan.

Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).

"Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)."

[Surah Yusuf: 46-49]

Perlindungan harta

Harta yang dijana dan dikumpul seterusnya hendaklah dilindungi. Melindungi harta termasuklah menghindari perbuatan pembaziran dan pemborosan yang merupakan sifat yang keji serta mendapat larangan keras dari Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَلَا تُبْذِرْ تَبْذِيرًا ۚ إِنَّ الْمُبْذِرِينَ
كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

"Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

[Surah al-Isra': 26-27]

Di samping memastikan tiada pembaziran yang berlaku, berbelanja dengan berhemat juga dituntut supaya perbelanjaan itu memberi manfaat kepada orang lain. Kerana sikap yang berlebih-lebihan itu tidak disukai oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

"Dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas."

[Surah al-A'raf: 31]

Selain daripada itu, sedekah amal jariah yang dituntut dapat menjamin perlindungan harta di mana ganjaran pada hari akhirat amatlah tinggi. Allah berfirman tentang kepentingan menginfakkan harta ke jalan yang diredai-Nya di dalam surah al-Baqarah:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

"Perumpamaan (infaq) orang-orang yang membelanjakan harta mereka di jalan Allah adalah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai. Pada setiap tangkai terdapat seratus biji. Dan Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."

[Surah al-Baqarah: 261]

Harta yang dijana hendaklah disucikan dengan menyalurkan sebahagian daripadanya dalam bentuk zakat. Zakat adalah perkara yang amat dituntut dan barang siapa yang menyimpan harta (setelah diwajibkan ke atas mereka) dari mengeluarkan zakat, maka akan mendapat azab seksaan di akhirat nanti. Allah SWT berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

"Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

[Surah at-Taubah: 103]

Perintah menunaikan zakat juga disebutkan di dalam hadis dari Ibnu 'Abbas RA, bahawa Nabi SAW pernah mengutus Mu'adz RA ke Yaman. Rasulullah ﷺ bersabda:

"Serulah mereka kepada penyaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya aku adalah Rasul Allah. Jika mereka mentaatinya, maka beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka solat lima waktu (setiap hari) sehari semalam. Jika mereka mentaatinya, maka beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) daripada harta mereka, yang diambil daripada orang kaya di kalangan mereka dan diberikan kepada orang miskin di kalangan mereka."

[Riwayat Bukhari: 1395]

Begitu juga dengan elemen sedekah yang mampu menyucikan harta dan sebagai salah satu bentuk amal jariah yang berkekalan ganjarannya. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفِيرٌ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji."

[Surah al-Baqarah: 267]

Pengagihan harta

Umat Islam dituntut untuk cakna dalam kaedah mengagihkan harta bagi mengelakkan konflik kekeluargaan yang disebabkan oleh pertikaian dan perebutan harta warisan. Pengurusan pengagihan yang baik dan mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam, akan memberi manfaat kepada waris yang ditinggalkan. Sehubungan dengan itu, proses pengagihan harta perlu diuruskan dan diperjelaskan sewaktu pemilik harta masih hidup.

Harta pusaka perlu diurus dengan sebaik mungkin dan disegerakan pembahagiannya kepada waris yang berhak berpandukan hukum faraid. Sepertimana penjelasan terperinci di dalam firman Allah SWT:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ إِنْ كَانَ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ١١

"Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu.

Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah

diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

[Surah an-Nisa: 11]

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمُ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتِ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكَتِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَالَةً أَوْ امْرَأَةٌ وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتُ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَى بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ وَصِيَّةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ١٢

"Dan bagimu (suami-suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. Para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu. Jika seseorang mati, baik laki-laki maupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara laki-laki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu saja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta.

Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudarat (kepada ahli waris). (Allah menetapkan yang demikian itu sebagai) syari'at yang benar-benar dari Allah, dan Allah Mengetahui lagi Maha Penyantun."

[Surah an-Nisa': 12]

Terma wasiat juga adalah terma yang biasa didengar oleh kebanyakan masyarakat Islam. Wasiat merujuk kepada pemberian atau sumbangan oleh seseorang kepada pihak lain setelah dia meninggal dunia. Pensyariatan ini adalah berdasarkan surah al-Baqarah ayat 180:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ أَنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

"Diwajibkan atas kamu, apabila seseorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, (hendaklah ia) berwasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabatnya dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertaqwa."

[Surah al-Baqarah: 180]

Umat Islam juga perlu cakna akan pengagihan harta melalui hibah. Definisi hibah di sini merujuk kepada pemberian sukarela daripada pihak pemberi kepada pihak penerima yang mana berlaku semasa hidup pemberi hibah atas dasar kasih sayang tanpa mengharapkan sebarang balasan. Amalan hibah adalah sunat dan digalakkan sepertimana pensyariatan Allah SWT:

فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُوهُ هِيَ مَرَاتًا

"Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian daripada maskahwinnya, maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya."

[Surah an-Nisa': 4]

Pengurusan hutang

Al-Quran dengan jelas memperincikan tentang bagaimana untuk menguruskan hutang. Pada dasarnya, pinjaman itu dibolehkan, dengan memastikan dokumen yang merekod transaksi pinjaman itu dibuat dengan terperinci. Perkara ini merujuk kepada surah al-Baqarah ayat 282, firman Allah SWT seperti berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْئًا فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا وَلَا تَسْمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَى أَجَلٍ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلَا يُضَارَ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوفَ بِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang

itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

[Surah al-Baqarah: 282]

Transaksi hutang yang dijalankan juga hendaklah bebas dari sebarang aspek *riba*. Pengharaman *riba* dijelaskan di dalam al-Quran seperti di bawah:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

"Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan *riba*."

[Surah al-Baqarah: 275]

Setelah menjalani transaksi hutang, bayaran balik hutang yang telah dibuat hendaklah dilakukan dengan teliti. Islam meletakkan tuntutan kewajipan melunaskan hutang seperti firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 12 yang mana walaupun penghutang sudah meninggal dunia, hutang perlu dilunaskan dengan hartanya sendiri sebelum dibahagikan secara faraid kepada waris.

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَّمْ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوَصِّينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ

"Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya."

[Surah an-Nisa': 12]

Beberapa potongan hadis juga menekankan kewajipan membayar hutang dan memberikan gambaran amat dahsyat kepada penghutang yang sengaja tidak berusaha menjelaskan hutang: Rasulullah SAW pernah bersabda:

"Diampunkan semua dosa bagi orang mati terkorban syahid, kecuali jika dia mempunyai hutang (kepada manusia)."

[Hadis Riwayat Muslim: 6/38]

"Jiwa seorang Mukmin tergantung dengan sebab hutangnya sehingga dilunaskan hutang baginya."

[Hadis Riwayat Ahmad: 10221]

Pembangunan Indeks Pengetahuan Kewangan Islam

Definisi Operasi-Pengetahuan Kewangan Islam

OECD INFE (2011) menggambarkan "Pengetahuan Kewangan" sebagai pemahaman konsep kewangan utama seperti kredit, pengurusan hutang, faedah mudah dan kompaun, dan nilai masa wang. Bagi mengukur literasi

kewangan dari sudut Islamik, komponen Islamik seperti yang telah dibincangkan dalam bab yang terdahulu (penghasilan harta, pengumpulan harta, perlindungan harta, penyucian harta, pengagihan harta dan pengurusan hutang) juga diambil kira. Konstruk berserta komponen dan indikator bagi mengukur indeks "Pengetahuan Kewangan Islam" disenaraikan di dalam jadual 1 seperti di bawah:

Konstruk, Komponen dan Indikator Pengetahuan Kewangan

Jadual 1

Konstruk	Komponen	Indikator
Penghasilan harta	Penghasilan harta	Islam menuntut umatnya untuk berusaha mencari rezeki yang halal.
	Penghasilan harta	Teknologi membantu cara kita mencari rezeki.
Pengumpulan harta	Pengumpulan harta (Pelaburan harta)	Pelaburan yang memberikan pulangan yang tinggi kebiasaannya berisiko tinggi.
	Pengumpulan harta (Pelaburan harta)	Produk pelaburan <i>Musarakah</i> adalah kontrak perkongsian untung sahaja.
	Pengumpulan harta (Faraid yang diterima)	Melalui kaedah faraid, waris lelaki menerima 2 bahagian manakala waris perempuan 1 bahagian.
	Pengumpulan harta (Faraid yang diterima)	Orang yang tersayang (bukan waris) tidak berhak menerima faraid dalam Islam.
	Pengumpulan harta (Wasiat yang diterima)	Melalui kaedah wasiat, bukan waris boleh menerima harta pusaka selepas kematian.
	Pengumpulan harta (Wasiat yang diterima)	Anak angkat boleh menerima harta secara wasiat.
	Pengumpulan harta (Hibah yang diterima)	Seorang isteri tidak boleh menerima hibah takaful sekiranya namanya tidak disenarai sebagai penerima hibah.
	Pengumpulan harta (Hibah yang diterima)	Kontrak hibah yang telah dimeterai mengatasi pembahagian harta secara faraid dan wasiat.
	Pengumpulan harta (Simpanan)	Simpanan penting untuk tujuan kecemasan.
	Pengumpulan harta (Simpanan)	Akaun simpanan dalam perbankan Islam adalah berdasarkan kontrak <i>Mudharabah</i> .
Perlindungan harta	Perlindungan harta (Takaful)	Takaful akan melindungi harta sekiranya berlaku musibah (contoh: kemalangan, kecurian dan kebakaran).
	Perlindungan harta (Takaful)	Takaful menggunakan konsep <i>Tabarru'</i> iaitu derma ikhlas yang diberikan oleh satu pihak tanpa balasan.
	Perlindungan harta (Larangan pembaziran)	Di dalam Islam, sesiapa yang suka membazir itu adalah saudara kepada syaitan.
	Perlindungan harta (Penipuan kewangan)	Perkongsian data peribadi yang berkaitan dengan perbankan seperti no. mykad/no. akaun/kata kunci perbankan digital boleh mendedahkan seseorang kepada penipuan kewangan.
	Perlindungan harta (Penipuan kewangan)	Bank Negara Malaysia mengeluarkan senarai syarikat yang di bawah pemantauan dan disenaraihitamkan berkaitan penipuan kewangan.



Konstruk, Komponen dan Indikator Pengetahuan Kewangan (Sambungan)

Konstruk	Komponen	Indikator
Penyucian harta	Penyucian harta (Zakat menyucikan harta)	Zakat adalah satu bentuk penyucian harta di dalam Islam.
	Penyucian harta (Zakat menyucikan harta)	Wang simpanan yang telah genap setahun dan cukup nisab dikenakan zakat wang simpanan sebanyak 2.5%.
	Penyucian harta (Sedekah)	Sedekah yang utama adalah kepada ahli keluarga yang memerlukan.
	Penyucian harta (Wakaf)	Waris tidak boleh menuntut harta yang telah diwakafkan.
	Penyucian harta (Wakaf)	Harta wakaf boleh dinikmati oleh golongan bukan Islam.
	Penyucian harta (Zakat menyucikan harta)	Zakat adalah salah satu rukun Islam.
	Penyucian harta (Zakat menyucikan harta)	Harta yang dimiliki kanak-kanak juga perlu dikeluarkan zakat sekiranya ia memenuhi syarat.
Pengagihan harta	Pengagihan harta (Faraid yang diagihkan)	Kadar faraid dan siapa yang berhak menerimanya telah ditentukan dalam al-Quran.
	Pengagihan harta (Wasiat yang dibuat)	Waris perlu melunaskan hutang dan menunaikan wasiat si mati sebelum membuat pembahagian pusaka.
	Pengagihan harta (Wasiat yang dibuat)	Harta yang boleh diwasiatkan kepada bukan waris hanyalah sehingga 1/3 sahaja.
	Pengagihan harta (Wasiat yang dibuat)	Wasiat (harta) boleh dibuat untuk orang bukan Islam.
	Pengagihan harta (Hibah yang diberi)	Hibah boleh dijadikan satu bentuk instrumen pewarisan.
	Pengagihan harta (Hibah yang diberi)	Harta yang dicagar tidak boleh dihibahkan.
	Pengagihan harta (Nafkah yang diberi)	Dalam Islam, nafkah zahir merangkumi semua keperluan asas seperti makan & minum, pakaian, tempat tinggal dan seumpamanya.
Pengurusan hutang	Pengurusan hutang (Pembayaran hutang)	Semua pinjaman atau hutang hendaklah direkodkan serta bersaksi.
	Pengurusan hutang (Tujuan Pembiayaan)	Pembiayaan/pinjaman untuk melancong bukan satu keperluan dalam Islam.
	Pengurusan hutang (Tujuan Pembiayaan)	Produk pembiayaan perbankan Islam tidak mengenakan faedah berganda ke atas baki tunggakan pembiayaan.



Pengukuran Indeks-Pengetahuan Kewangan Islam


Kajian ini menggunakan ukuran 10 mata bagi menggambarkan tahap persetujuan antara 1 (sangat tidak setuju) hingga 10 (sangat setuju). Responden diarahkan untuk menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap keterangan pengetahuan kewangan yang disenaraikan.

Keterangan atau fakta yang diberikan adalah benar, dan kepada mereka yang bersetuju akan mendapat skor yang positif. Manakala yang tidak bersetuju berkemungkinan tidak faham atau mempunyai kefahaman yang rendah. Responden juga diberi peluang untuk menjawab tidak tahu dengan memilih pilihan "0" dan skor 0 (sifar) akan diberikan.

Skor yang dikutip untuk setiap pernyataan akan dikumpul dan dikira untuk mendapatkan skor keseluruhan bagi setiap komponen. Akhirnya,

skor untuk konstruk pengetahuan kewangan Islam dapat dikeluarkan.

Setelah pengiraan skor konstruk "Pengetahuan Kewangan Islam" dikira, jumlah skor akan diletakkan di bawah kategori mengikut julat skor seperti di bawah:



Konstruk dan Indikator Tingkah Laku Kewangan Islam

Jadual 2

Konstruk	Indikator
Pengumpulan harta (Simpanan)	Saya menyimpan di institusi kewangan yang patuh Syariah.
Penyucian harta (Zakat)	Saya membayar zakat (zakat pendapatan, emas, KWSP dan lain-lain) sekiranya cukup syarat.
Penyucian harta (Sedekah)	Saya bersedekah sekurang-kurangnya sekali seminggu sekiranya mampu.
Perlindungan harta (Takaful)	Saya memilih takaful berbanding insurans untuk melindungi kenderaan yang saya miliki.
Pengagihan harta (Nafkah yang diberi)	Saya memberi nafkah kepada tanggungan setiap bulan.
Pengurusan hutang (Tujuan pembiayaan)	Saya memilih pembiayaan patuh Syariah berbanding pinjaman konvensional.

Pembangunan Indeks Tingkah Laku Kewangan Islam

Definisi Operasi-Tingkah laku Kewangan Islam

Menurut OECD (2016), definisi tingkah laku kewangan adalah berkaitan dengan aktiviti individu yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Tingkah laku kewangan juga merujuk kepada cara seseorang individu mengendalikan, mengawal dan menggunakan aset kewangan peribadi mereka. Setelah mengambil kira komponen Islamik bagi mengukur tingkah laku kewangan Islam, konstruk dan indikator disenaraikan di dalam jadual 2.


Pengukuran Indeks-Tingkah Laku Kewangan Islam

Sepertimana penilaian skor pengetahuan, cara yang sama juga digunakan bagi mengukur tahap "Tingkah Laku Kewangan Islam." Ukuran 10 mata bagi menggambarkan tahap persetujuan antara 1 (sangat tidak setuju) hingga 10 (sangat setuju). Responden diarahkan untuk menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap pernyataan tingkah laku kewangan yang disenaraikan.

Pernyataan yang diberikan menggambarkan tingkah laku yang baik. Bagi mereka yang bersetuju akan mendapat skor yang positif. Manakala, bagi mereka yang tidak bersetuju menggambarkan skor tingkah laku kewangan Islam yang rendah kerana tidak melakukan perilaku tersebut.

Skor yang dikutip untuk setiap pernyataan akan dikumpul dan dikira untuk mendapatkan skor keseluruhan bagi setiap komponen. Akhirnya, skor untuk konstruk "Tingkah Laku Kewangan Islam" Islam dapat dikeluarkan.

Setelah pengiraan skor konstruk "Tingkah Laku Kewangan Islam" dikira, jumlah skor akan diletakkan di bawah kategori mengikut julat skor seperti di bawah:



Pembangunan Indeks Sikap Kewangan Islam

Definisi Operasi-Sikap Kewangan Islam

Konstruk yang terakhir untuk melengkapkan penilaian indeks literasi kewangan Islam adalah "Sikap Kewangan Islam." Menurut Eagly dan Chaiken (1993), definisi sikap kewangan merujuk kepada kecenderungan psikologi yang dimanifestasikan melalui penilaian entiti tertentu dengan pelbagai tahap keutamaan atau keengganan. Setelah mengambil kira komponen Islamik bagi mengukur tingkah laku kewangan Islam, konstruk berserta komponen dan indikator disenaraikan di dalam jadual 3 di bawah:

Konstruk, Komponen dan Indikator Sikap Kewangan Islam

Jadual 3

Konstruk	Komponen	Indikator
Penghasilan harta	Penghasilan harta	Saya sentiasa menggalakkan rakan-rakan berusaha mencari rezeki
Pengumpulan harta	Pengumpulan harta (Pelaburan harta)	Sekiranya saya membuat pelaburan, saya akan memastikan pelaburan tersebut adalah patuh Syariah
	Pengumpulan harta (Wasiat yang diterima)	Saya percaya bahawa anak tiri boleh menerima harta yang diwasiatkan
	Pengumpulan harta (Hibah yang diterima)	Saya bersyukur sekiranya ada menerima hibah (hadiah)
	Pengumpulan harta (Simpanan)	Saya memastikan saya menyimpan dalam simpanan patuh Syariah
Perlindungan harta	Perlindungan harta (Takaful)	Saya merasakan keperluan perlindungan takaful itu penting
	Perlindungan harta (Larangan pembaziran)	Saya sentiasa menilai keperluan untuk berbelanja sebelum membuat sesuatu pembelian
	Perlindungan harta (Penipuan kewangan)	Saya tidak tergesa-gesa memindahkan wang sebelum memastikan kesahihan transaksi dan maklumat penerima
Pengagihan harta	Pengagihan harta (Nafkah yang diberi)	Saya percaya bahawa setiap anak wajib memberi nafkah secukupnya kepada ibu bapa yang fakir
Pengurusan hutang	Pengurusan hutang (Pembayaran hutang)	Saya percaya bahawa membayar balik hutang adalah wajib walaupun setelah meninggal dunia



Pengukuran Indeks Sikap Kewangan Islam


Kaedah pengukuran tahap "Sikap Kewangan Islam" adalah konsisten dengan kaedah yang digunakan untuk menilai kedua-dua konstruk yang pertama (Pengetahuan dan Tingkah Laku). Ukuran 10 mata digunakan bagi menggambarkan tahap persetujuan antara 1 (sangat tidak setuju) hingga 10 (sangat setuju). Responden diarahkan untuk menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap pernyataan sikap kewangan yang disenaraikan.

Pernyataan yang diberikan adalah menggambarkan sikap kewangan yang disarankan. Bagi mereka yang bersetuju akan

mendapat skor yang positif. Manakala bagi mereka yang tidak bersetuju menggambarkan skor sikap kewangan yang rendah kerana tidak mempunyai sikap tersebut.

Skor yang dikutip untuk setiap pernyataan akan dikumpul dan dikira untuk mendapatkan skor keseluruhan bagi setiap komponen. Akhirnya, skor untuk konstruk "Sikap Kewangan Islam" dapat dikeluarkan.

Setelah pengiraan skor konstruk "Pengetahuan Kewangan Islam" dikira, jumlah skor akan diletakkan di bawah kategori mengikut julat skor seperti di bawah:



**Indeks Literasi
Kewangan Islam
(Keseluruhan)**

Indeks Literasi Kewangan Islam (Keseluruhan)



Indeks Literasi Kewangan Islam Keseluruhan

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, secara amnya, tahap literasi kewangan dalam kalangan responden adalah berada pada tahap "bagus" dengan indeks 80.2. Skor keseluruhan indeks yang dijana terdiri daripada tiga dimensi asas; pengetahuan berada pada tahap sederhana rendah (skor 69.5), diikuti oleh tingkah laku pada tahap bagus (skor 85.6) dan akhirnya "sikap" pada tahap 89.4 yang juga berada pada tahap yang bagus.


Dapatan ini menunjukkan bahawa banyak lagi usaha yang perlu diambil bagi meningkatkan tahap pengetahuan kewangan Islam dalam kalangan

responden. Perbincangan yang lebih mendalam akan dibincangkan di dalam bab "Pengetahuan Kewangan Islam." Kupasan mengikut demografik dan indikator di dalam aspek pengetahuan memberi maklumat tentang kelemahan yang ditemui.

Apabila melihat tahap tingkah laku dan sikap yang berada pada tahap yang baik menunjukkan bahawa, para responden telahpun berada pada tahap tingkah laku yang boleh dibanggakan. Carta 2 menunjukkan ringkasan skor indeks literasi kewangan Islam dalam kalangan responden dan pecahan mengikut setiap dimensi.

Indeks Literasi Kewangan Islam (Keseluruhan)

Carta 2




Pecahan Responden Mengikut Tahap Literasi Keuangan Islam

Gambar rajah 6 menunjukkan pecahan responden mengikut tahap literasi keuangan Islam. Didapati bahawa 8% responden berada pada tahap yang "sangat bagus" dan 33% berada pada tahap "bagus." Kedua-dua kategori ini membentuk 41% dalam kalangan responden yang berada pada tahap yang membanggakan. Sementara itu, 28% responden berada pada tahap "sederhana tinggi" manakala 23% yang lain berada pada tahap "sederhana rendah." Sekiranya dilihat kategori "sederhana rendah," "lemah" dan "sangat lemah," kumpulan ini telah membentuk 31% daripada keseluruhan responden dan mereka tidak mencapai tahap literasi keuangan Islam yang memuaskan. Dalam lain perkataan, 3 daripada 10 responden mempunyai tahap literasi keuangan Islam yang tidak memuaskan dan harus diberi perhatian.



Pecahan Responden Mengikut Kategori Tahap Literasi Keuangan Islam (Keseluruhan)

Gambar Rajah 6



Indeks Keseluruhan Mengikut Demografik

Indeks literasi kewangan Islam dianggarkan berbeza mengikut profil demografik seperti yang ditunjukkan di dalam carta 3. Analisis lanjutan yang dibuat ke atas data menunjukkan beberapa maklumat penting yang boleh diperhatikan. Bermula daripada perbandingan yang dibuat mengikut jantina, kaum lelaki didapati mempunyai purata indeks yang lebih baik iaitu pada skor 81.7 dan berada pada tahap yang "bagus." Berdasarkan kajian yang terdahulu, mendapati bahawa kaum lelaki lebih banyak membuat keputusan kewangan dalam keluarga (Agarwalla et al, 2015). Sudah semestinya, kaum lelaki dijangka mempunyai tahap literasi kewangan Islam yang lebih baik kerana tanggungjawab ketua keluarga yang diberikan kepada mereka perlu diambil serius. Sementara itu, kaum wanita mencatat skor lebih rendah pada 78.9 iaitu perbezaan sebanyak 2.8 mata berbanding skor kaum lelaki. Walaupun perbezaan skor yang diperolehi tidak begitu ketara, kaum wanita dikategorikan di bawah tahap "sederhana tinggi" apabila skor mereka berada di dalam lingkungan julat skor 70.0 ke 80.0.

Perbezaan skor yang diteliti daripada aspek umur menunjukkan skor yang menaik menunjukkan tahap literasi kewangan Islam menjadi lebih baik seiring dengan peningkatan usia. Perkara ini membuktikan bahawa pengalaman seseorang individu itu menyumbang kepada literasi yang lebih baik.

Dapatan menunjukkan bahawa tiada kecenderungan yang ketara peranan tahap gaji seseorang individu untuk mempengaruhi tahap literasi kewangan Islamnya apabila perbezaan skor dijalankan mengikut kategori pendapatan.

Aspek seterusnya yang dikaji adalah status perkahwinan. Dapatan yang diperolehi memberi padangan yang agak menarik di mana mereka yang telah berkahwin menunjukkan tahap literasi kewangan Islam yang lebih baik pada skor 81.2 jika dibandingkan dengan individu bujang yang mendapat skor 77.3 dan yang terendah adalah mereka yang telah bercerai mendapat skor 64.4. Mereka yang berkahwin dijangkakan lebih berumur daripada mereka yang masih bujang, dan ini adalah konsisten dengan dapatan perbezaan umur yang telah dibincang. Jika dilihat dari sisi




yang lain, kemungkinan juga pasangan yang telah berkahwin mempunyai peluang untuk berbincang bersama pasangan tentang pengurusan kewangan.

Responden yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi secara amnya didapati mempunyai kecenderungan untuk mempunyai tahap literasi kewangan Islam yang lebih baik. Dapatan kajian menunjukkan responden yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau ke bawah telah merekodkan skor yang terendah iaitu 77.2 dan dikategorikan sebagai "sederhana tinggi." Sebaliknya mereka yang mempunyai tahap pendidikan sekurang-kurangnya Diploma atau ke atas berada pada tahap "sederhana tinggi."

Perbincangan yang lebih lanjut dan terperinci tentang tahap literasi kewangan Islam berdasarkan setiap dimensi serta indikator yang menyumbang kepada keseluruhan indeks literasi kewangan Islam dibentangkan dalam bab-bab yang seterusnya.

Indeks Literasi Kewangan Islam (Keseluruhan) Mengikut Demografik

Carta 3



MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

**Indeks
Pengetahuan
Kewangan
Islam**

Indeks Pengetahuan Kewangan Islam

Indeks Pengetahuan Kewangan Islam

Secara keseluruhan, nilai skor untuk dimensi "Pengetahuan Kewangan Islam" adalah sebanyak 65.5 yang menunjukkan tahap pengetahuan adalah pada tahap "sederhana rendah." Tambahan pula, indeks pengetahuan telah direkodkan sebagai indeks yang terendah di antara dimensi-dimensi yang lain seperti yang tertera di dalam carta 2 halaman 30.


Pecahan responden mengikut tahap kategori diperincikan di dalam gambar rajah 7. Kajian ini mendapati bahawa cuma 11% daripada responden dikategorikan sebagai "bagus" dan "sangat bagus." Sementara itu, 20% dalam kalangan responden dikategorikan sebagai "sederhana tinggi." Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden (69%) berada pada tahap "sederhana rendah" ke bawah yang mana agak membimbangkan. Mereka yang dikategorikan sebagai "lemah" dan "sederhana rendah" masing-masing mewakili 22% daripada



keseluruhan responden. Manakala satu daripada empat responden (25%) dikenal pasti mempunyai tahap pengetahuan kewangan Islam yang "sangat lemah".

Pecahan Responden Mengikut Kategori Tahap Pengetahuan Kewangan Islam

Gambar Rajah 7



Indeks Pengetahuan Mengikut Profil Demografik

Indeks pengetahuan Islam daripada sudut profil demografik pula telah menunjukkan beberapa dapatan yang menarik untuk diperhatikan. Carta 4 menunjukkan data skor indeks pengetahuan kewangan mengikut profil demografik. Didapati bahawa kaum lelaki merekodkan skor 67.1 berbanding kaum wanita pada skor 64.1. Selain daripada perbezaan yang tidak ketara ini, kedua-dua skor ini juga berada dalam kategori yang sama iaitu "sederhana rendah." Ini menunjukkan tahap pengetahuan kewangan Islam, secara amnya tiada perbezaan berdasarkan jantina.

Skor pengetahuan kewangan Islam didapati menunjukkan trend menaik mengikut peringkat umur. Dapatan ini membuktikan bahawa pengalaman seseorang individu itu menyumbang kepada tahap pengetahuan yang lebih baik. Bagaimanapun, tiada kesimpulan yang boleh dirumuskan untuk menyokong andaian tahap pengetahuan dipengaruhi oleh tangga gaji.

Responden yang telah berkahwin menunjukkan skor yang tertinggi iaitu sebanyak 66.7 berbanding individu berstatus bujang dan bercerai. Individu bujang mencatat skor 62.1 manakala responden yang bercerai mencatatkan skor yang paling rendah iaitu 35.2 dalam kategori "sangat lemah."

Beberapakajianyangterdahulu telah membahaskan tentang bagaimana tahap pendidikan seseorang


itu akan mempengaruhi tahap pengetahuan kewangan mereka. Kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan kewangan bertambah baik apabila perbandingan yang dibuat berpandukan tahap pendidikan responden. Kesimpulan ini dibuat berpandukan data yang menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat SPM dan ke bawah merekodkan skor yang paling rendah iaitu 60.4, manakala responden yang mempunyai diploma merekodkan skor 65.9. Sementara itu, mereka yang mempunyai ijazah sarjana muda mendapat 66.6 dan akhirnya, yang tertinggi adalah responden yang mempunyai tahap pendidikan di tahap sarjana/kedoktoran yang merekodkan skor sebanyak 74.2.

Melihat kepada sisi pekerjaan, didapati bahawa responden yang bekerja sendiri merekodkan skor tertinggi iaitu 80.1 sekali gus menjadikan mereka berada pada tahap yang "bagus." Sementara itu, responden dalam kalangan pelajar pula berada di tempat kedua tinggi pada skor 73.1 dan diikuti oleh responden yang bersara pada skor 70.6. Kedua-dua golongan ini berada pada tahap "sederhana tinggi." Baki responden yang bekerja di sektor swasta dan kerajaan berada pada tahap "sederhana rendah" di mana masing-masing mempunyai skor 65.4 dan 63.8. Perkara yang perlu diambil perhatian adalah apabila responden yang tidak bekerja mempunyai skor yang paling rendah iaitu 60.2 dan dikategorikan juga sebagai "sederhana rendah."



Indeks Pengetahuan Kewangan Islam Mengikut Demografik

Carta 4



Indeks Pengetahuan Kewangan Islam Mengikut Komponen

Analisis lanjut dijalankan bagi memahami tentang komponen Islamik yang dikuasai oleh responden dan mengenal pasti jurang yang perlu diberikan perhatian dalam konteks pengetahuan kewangan Islam. Skor untuk setiap komponen dalam dimensi pengetahuan kewangan Islam diterangkan di dalam carta 5. Analisis yang dijalankan mendapati bahawa komponen "penghasilan harta" merekodkan skor yang paling tinggi sebanyak 89.1 dan dikategorikan sebagai "bagus." Hanya komponen penghasilan harta sahaja yang dikenal pasti sebagai komponen yang dikuasai oleh responden dan baki komponen yang lain adalah tidak memuaskan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden sedar di mana penghasilan harta hendaklah dijana daripada kaedah yang dibenarkan atau halal.

Pencapaian responden dalam pengetahuan pengurusan hutang, penyucian harta dan perlindungan harta adalah agak rendah di mana masing-masing merekodkan skor 69.4, 67.6 dan 66.9. Berpandukan julat skor di antara 60.0 ke 70.0 telah mengelaskan komponen-komponen ini berada di tahap "sederhana rendah."


Kajian ini juga mendapati bahawa tahap kefahaman dalam kalangan responden bagi komponen pengagihan harta dan pengumpulan harta adalah membimbangkan. Ini diterjemahkan



dengan nilai skor untuk pengagihan harta hanya sebanyak 53.7 dan dikategorikan sebagai "lemah." Sementara itu, pengumpulan harta yang merupakan komponen yang paling rendah pada skor 46.1 dikategorikan sebagai "sangat lemah."


Indeks Pengetahuan Kewangan Islam Mengikut Komponen

Carta 5



Pengetahuan-Penghasilan Harta

Carta 6



Pengetahuan-Penghasilan Harta

Penghasilan harta merupakan komponen yang mempunyai skor tertinggi secara keseluruhan iaitu sebanyak 89.1 dan dikategorikan sebagai "bagus." Skor pengetahuan kewangan Islam dalam komponen penghasilan harta ini telah dijana hasil daripada dua indikator seperti yang ditunjukkan di carta 6. Berdasarkan carta 6, kajian mendapati skor kesedaran tentang tuntutan untuk mencari rezeki yang halal berada pada tahap yang memuaskan iaitu sebanyak 95.2 dan dikategorikan sebagai sangat bagus. Kajian ini juga mempertimbangkan pengetahuan di mana teknologi juga boleh membantu individu dalam menjana harta dan ia tidak melanggar syariat Islam.

konteks pengurusan hutang seperti larangan *riba* dan faedah berganda yang ditekankan dalam Islam. Indikator yang digunakan untuk menguji kefahaman ini adalah berkisar tentang produk pembiayaan Islam yang tidak menggunakan kaedah faedah berganda ke atas baki tunggakan pembiayaan. Skor yang direkodkan untuk indikator ini adalah sebanyak 79.1 dan berada di dalam julat kategori "sederhana tinggi."

Dalam proses menjalankan transaksi pembiayaan, keberadaan saksi serta perekodan aktiviti tersebut diperlukan. Untuk elemen ini, skor indikator berada pada kadar 68.0. Ini menunjukkan tahap kefahaman berada di dalam tahap "sederhana rendah."


Pengetahuan-Pengurusan Hutang

Indeks pengurusan hutang mencatatkan skor sebanyak 69.4 (sederhana rendah) dan menjadikan ia berada pada kedudukan kedua selepas komponen penghasilan harta. Beberapa indikator ringkas yang disenaraikan dalam kaji selidik bagi menilai tahap pengetahuan asas dalam kalangan responden berkenaan dengan pengurusan hutang. Bermula dengan elemen penting yang perlu umat Islam kuasai dalam

Pada masa yang sama, umat Islam juga dituntut untuk meneliti keperluan untuk meminjam supaya tidak terperangkap dengan pinjaman yang berlebihan. Indikator yang digunakan adalah berkenaan tentang objektif atau kegunaan pembiayaan hanyalah untuk keperluan dan bukannya kemahuan. Skor sebanyak 61.1 telah direkodkan untuk indikator ini dan ianya berada pada tahap "sederhana rendah." Indikator ini mencatatkan skor yang terendah di dalam komponen pengurusan hutang.

Pengetahuan-Pengurusan Hutang

Carta 7



Pengetahuan-Penyucian Harta

Berdasarkan analisis, kajian ini mendapati bahawa kedudukan komponen indeks penyucian harta berada di tangga yang ketiga. Skor yang direkodkan adalah sebanyak 67.6 dan berada di dalam kategori "sederhana rendah." Bagi menilai komponen penyucian harta ini, sebanyak tujuh indikator telah disenaraikan dalam kaji selidik. Skor bagi setiap indikator disenaraikan dalam carta 8.

Dalam konteks penyucian harta, kefahaman tentang zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam telah dinilai. Tahap kefahaman tentang perkara ini boleh dikatakan berada pada tahap yang "sangat bagus" berdasarkan skor yang direkodkan sebanyak 90.0. Selain daripada itu, kefahaman tentang peranan zakat yang diiktiraf sebagai salah satu cara untuk menyucikan harta dalam Islam juga tinggi dengan skor sebanyak 88.2. Berdasarkan dapatan ini boleh disimpulkan bahawa tahap pengetahuan tentang peranan zakat untuk menyucikan harta berada dalam kategori "bagus."

Selain daripada zakat, sedekah juga adalah salah satu usaha yang dituntut untuk menyucikan

harta. Walau bagaimanapun, keutamaan dalam bersedekah perlu difahami oleh umat Islam. Pemberian sedekah kepada ahli keluarga yang memerlukan hendaklah diutamakan dan skor untuk indikator ini direkodkan sebanyak 83.9 yang berada di dalam kategori "bagus."

Skor untuk indikator-indikator yang seterusnya telah dikenal pasti sebagai elemen yang perlu ditambah baik kerana ianya berada dalam julat "sederhana rendah" dan ke bawah.

Dalam indikator wakaf, selain menjadi elemen untuk menyucikan harta, kefahaman tentang wakaf juga hendaklah dikuasai. Wakaf juga dikategorikan sebagai salah satu daripada jenis sedekah jariah yang berkekalan ganjarannya walaupun selepas kematian. Apa yang perlu difahami adalah, setelah wakaf dibuat, harta yang diwakafkan itu tidak boleh lagi dituntut oleh waris. Indikator yang merujuk kepada kefahaman tentang waris tidak boleh menuntut harta setelah diwakafkan ini merekodkan skor sebanyak 65.7.

Islam menuntut umatnya supaya membayar zakat ke atas wang simpanan apabila memenuhi haul dan nisab yang ditetapkan. Wang simpanan yang



telah genap setahun dan cukup nisab dikenakan zakat wang simpanan sebanyak 2.5%. Kefahaman tentang perkara ini merekodkan skor sebanyak 63.6 dan dikategorikan sebagai sederhana (rendah). Diandaikan masih ramai lagi masyarakat Muslim yang terlepas pandang tentang kewajipan zakat simpanan.


Pernyataan "harta yang dimiliki kanak-kanak juga perlu dikeluarkan zakat sekiranya ia memenuhi syarat" digunakan untuk menilai kefahaman responden berkenaan dengan kewajipan seseorang itu sekiranya memenuhi syarat seperti mempunyai kemampuan walaupun mereka masih pada umur kanak-kanak. Skor yang direkodkan adalah sebanyak 43.2 dan ia dikategorikan sebagai "sangat lemah."

Skor indikator yang menilai kefahaman tentang kebolehan harta wakaf dinikmati oleh golongan bukan Islam merupakan skor yang terendah sebanyak 38.9. Sesungguhnya umat Islam tidak dilarang untuk mewakafkan sebahagian harta mereka kepada bukan Islam selagi mana ia memenuhi syarat-syarat berwakaf.



Pengetahuan-Penyucian Harta

Carta 8



Pengetahuan-Perlindungan Harta

Indeks perlindungan harta merupakan indeks yang ketiga terendah dengan skor sebanyak 66.9 dan ianya berada di dalam julat kategori "sederhana rendah." Bermula dengan kefahaman tentang mengelak pembaziran merupakan perkara yang perlu dilakukan bagi melindungi harta. Kefahaman tentang larangan membazir dan penekanan tentang sifat pembaziran itu merupakan saudara kepada syaitan difahami dengan baik oleh kebanyakan responden dengan skor yang direkodkan sebanyak 83.4 dan berada di dalam julat kategori "bagus."

Selain daripada kefahaman tentang larangan pembaziran, kefahaman tentang perkongsian data peribadi yang berkaitan dengan perbankan juga penting bagi usaha melindungi harta. Indikator ini merekodkan skor sebanyak 80.9 menunjukkan bahawa kefahaman tentang hal-hal melindungi data perbankan berada di dalam julat kategori "bagus."

Bagi mereka yang ingin berurusan dengan mana-mana pihak yang menawarkan produk kewangan dinasihatkan supaya memastikan tawaran itu dibuat oleh pihak yang sah. Pengguna disarankan untuk merujuk kepada laman sesawang BNM bagi memeriksa kesahihan sesebuah organisasi. BNM mengeluarkan Senarai Amaran Pengguna


Kewangan (*Financial Consumer Alert, FCA*) sebagai panduan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai entiti atau skim yang telah disalah anggap atau kelihatan sebagai entiti atau skim berlesen atau dikawal selia oleh BNM. Untuk menilai kesedaran tentang maklumat ini, indikator yang berkenaan dengan fakta ini direkodkan dengan skor 66.4 (sederhana rendah) dan ia tidak memuaskan.

Harta juga boleh dilindungi dengan cara menyertai takaful. Umat Islam perlu memahami bahawa takaful boleh melindungi harta benda sekiranya berlaku sebarang musibah seperti kemalangan, kecurian dan kebakaran. Indikator yang digunakan bagi menilai sejauh mana kefahaman responden tentang kegunaan takaful mencatatkan skor 65.2. Skor ini berada dalam julat "sederhana rendah."

Selain daripada kurangnya kefahaman responden tentang kegunaan takaful, majoriti responden juga didapati tidak menguasai kefahaman tentang konsep *tabarru'* yang diterapkan di dalam produk takaful. Konsep *tabarru'* merupakan derma ikhlas yang diberikan oleh satu pihak tanpa balasan. Indikator ini merekodkan skor yang terendah iaitu hanya sebanyak 38.4 dan berada di dalam julat kategori "sangat lemah."

Pengetahuan-Perlindungan Harta

Carta 9



Pengetahuan-Pengagihan Harta

Pertikaian dan perebutan harta pusaka sering kali berlaku dalam kalangan masyarakat termasuklah yang beragama Islam. Di antara faktor pertikaian adalah disebabkan oleh perancangan pengagihan harta yang tidak dibuat secara teratur. Islam telah memberi panduan bagaimana untuk mengagihkan harta pusaka selepas kematian. Semestinya, harta perlu diuruskan sewaktu pemilik harta masih hidup. Oleh itu, komponen pengagihan harta adalah amat penting untuk diterapkan di dalam literasi kewangan Islam.

Kajian ini mendapati bahawa kefahaman tentang pengagihan harta mengikut syariat Islam berada di dalam julat kategori "lemah" dengan skor hanya sebanyak 53.7 (Semak carta 5, halaman 30). Komponen pengagihan adalah komponen yang kedua terakhir dalam dimensi pengetahuan kewangan Islam dan perlu diberikan perhatian. Carta 10 menunjukkan skor untuk kesemua indikator yang digunakan bagi mengukur kefahaman responden mengenai pengagihan harta mengikut syariat Islam.

Pengagihan harta juga merangkumi pengagihan semasa hidup dan bukan semata-mata berlaku selepas kematian. Indikator yang merekodkan kefahaman yang paling tinggi adalah berkenaan dengan nafkah zahir termasuklah semua keperluan asas seperti makan dan minum, pakaian, tempat tinggal dan seumpamanya. Indikator ini mendapat skor yang tertinggi

sebanyak 76.4. Walau bagaimanapun, skor ini perlu ditambah baik kerana ianya hanya berada sekadar julat kategori "sederhana rendah."


Kefahaman tentang kewajipan melunaskan hutang dan menunaikan wasiat si mati sebelum membuat pembahagian pusaka oleh waris adalah sangat penting. Bagi indikator ini, skor 76.1 telah direkodkan. Kadar dan mereka yang berhak menerima faraid hendaklah ditentukan sebagaimana yang disebut dalam al-Quran. Kefahaman tentang faraid ini dinilai dan mendapat skor sebanyak 70.2 (sederhana rendah).

Selain daripada kaedah faraid, hibah juga boleh dijadikan satu bentuk instrumen pewarisan. Skor indikator hibah bagaimanapun berada dalam kategori "lemah" iaitu sebanyak 53.0.

Dari segi agihan harta melalui wasiat pula, Islam hanya membenarkan agihan tersebut kepada bukan waris sehingga 1/3 sahaja. Skor yang ditunjukkan indikator ini juga berada dalam kategori "sangat lemah" iaitu sebanyak 36.4. Dua indikator yang mendapat skor yang paling rendah adalah kefahaman tentang harta yang dicagar tidak boleh dihibahkan dan kefahaman tentang wasiat (harta) boleh dibuat untuk orang bukan Islam. Masing-masing merekodkan skor sebanyak 35.9 dan 27.7 dan secara terang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan yang sangat lemah dan perlu ditambah baik.

Pengetahuan-Pengagihan Harta

Carta 10



Pengetahuan-Pengumpulan Harta

Skor yang terendah di dalam dimensi pengetahuan kewangan Islam adalah pengumpulan harta sebanyak 69.4 dan dikategorikan sebagai "sederhana rendah." Carta 11 menunjukkan senarai indikator yang digunakan bagi menilai tahap pengetahuan kewangan Islam di kalangan responden. Indikator simpanan merupakan indikator yang tertinggi sebanyak 88.6 dikenal pasti sebagai "bagus." Kepentingan menyimpan sememangnya dituntut dalam Islam sebagaimana kisah Nabi Yusuf AS yang masyhur tentang tafsiran mimpi Raja Mesir. Kisah ini memberi peringatan tentang kepentingan untuk menyimpan makanan untuk hari depan yang tidak menentu.

Asas pengetahuan pelaburan yang perlu difahami adalah konsep pulangan yang kebiasaannya berkait rapat dengan tahap risiko. Umumnya, pelaburan yang mempunyai risiko rendah akan memberi pulangan rendah manakala pelaburan yang mempunyai risiko tinggi akan memberi pulangan yang tinggi. Melalui indikator ini, kajian mendapati bahawa skor sebanyak 57.7 secara


keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap kefahaman tentang konsep pulangan ini berada di tahap yang "lemah." Individu yang ingin membuat pelaburan hendaklah memahami konsep pulangan ini supaya tidak melakukan kesilapan dalam membuat keputusan pelaburan. Ketidakfahaman tentang konsep ini juga akan membuatkan pengguna mudah percaya dengan penipuan palsu dengan pulangan tinggi yang dijanjikan oleh sindiket penipuan pelaburan.

Pengetahuan teknikal tentang pelaburan di mana produk pelaburan *musyarakah* adalah kontrak perkongsian untung merekodkan nilai skor yang paling rendah iaitu hanya pada kadar 12.3. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kaji selidik ini memberi peluang responden untuk menjawab "tidak tahu." Bagi indikator produk pelaburan *musyarakah* adalah kontrak perkongsian untung sahaja, sebanyak 80% responden telah memilih jawapan "tidak tahu."

Pengumpulan harta yang bersumberkan daripada harta peninggalan saudara yang telah

Pengetahuan-Pengumpulan Harta

Carta 11



meninggal dunia adalah elemen yang sepatutnya difahami oleh umat Islam. Kefahaman yang betul tentang hak penerimaan harta peninggalan akan mengurangkan perbalahan ahli keluarga di dalam proses pembahagian harta. Dalam konteks ini, responden merekodkan skor sebanyak 56.4 (lemah).

Kefahaman tentang wasiat boleh diberikan kepada anak-anak angkat menunjukkan skor 49.3 (sangat lemah). Begitu juga indikator kefahaman mengenai bukan waris boleh menerima harta pusaka berada di bawah kategori 'sangat lemah' dengan skor sebanyak 43.9. Berdasarkan pemerhatian ini, boleh dikatakan bahawa kefahaman responden tentang dua indikator berkaitan wasiat berada pada tahap "sangat lemah."

Majoriti responden masih lagi lemah dalam pengetahuan berkenaan dengan kaedah faraid. Kajian menunjukkan skor indikator tentang bukan waris yang tidak berhak menerima harta pusaka merekodkan skor sebanyak 43.6 iaitu menggambarkan tahap kefahaman yang "sangat lemah."

Daripada segi pengetahuan teknikal berkenaan dengan pengurusan kewangan mengikut syariat Islam juga dinilai dalam kajian ini. Bermula dengan produk kewangan, indikator tentang akaun simpanan yang menggunakan konsep *Mudharabah* telah dinilai dan berpandukan skor yang diperolehi sebanyak 39.1, menunjukkan majoriti responden tidak faham tentang konsep *Mudharabah* yang digunakan. Begitu juga dengan pengetahuan teknikal berkenaan dengan kontrak



hibah yang mengatasi kaedah faraid dan wasiat adalah sangat lemah dengan skor sebanyak 36.1. Kepentingan kefahaman tentang hak seorang pasangan tentang mengumpulkan harta melalui hibah takaful telah dinilai dan skor sebanyak 34.3 telah direkodkan dan dikategorikan sebagai "sangat lemah."

Kesimpulannya, beberapa komponen Islamik di dalam pengetahuan kewangan Islam yang masih tidak dikuasai oleh sebilangan besar responden dan data juga menunjukkan bahawa pengetahuan kewangan Islam berada di dalam tahap yang "lemah." Usaha-usaha untuk menaikkan tahap pengetahuan kewangan Islam perlu dipergiatkan dan usahasama banyak pihak sememangnya diperlukan.



**Indeks
Tingkah Laku
Kewangan
Islam**

Indeks Tingkah Laku Keuangan Islam

Indeks Tingkah Laku Keuangan Islam


Nilai skor untuk dimensi "Tingkah Laku Keuangan Islam" adalah sebanyak 85.6 yang menunjukkan tahap tingkah laku kewangan Islam adalah pada tahap yang "bagus." Pecahan responden mengikut tahap kategori diperincikan dalam gambar rajah 8. Berbeza dengan tahap pengetahuan kewangan Islam yang agak rendah, dapatan kajian ini mendapati bahawa secara amnya, tingkah laku berada pada tahap yang memuaskan. Seramai 39% daripada responden dikategorikan sebagai "sangat bagus" dan 26% dikategorikan sebagai "bagus." Keadaan ini menjadikan jumlah responden yang mempunyai tingkah laku kewangan yang boleh dibanggakan sebanyak 65% mewakili lebih separuh daripada jumlah keseluruhan responden. 26% daripada responden juga dikenal pasti mempunyai tahap tingkah laku kewangan Islam "sederhana tinggi." Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat sebanyak 28% pada tahap "sederhana rendah" dan baki 6% berada pada tahap yang "lemah." Menariknya, kaji selidik ini menunjukkan tiada



responden yang dikenal pasti berada dalam kategori sangat lemah. Pecahan responden mengikut tahap indeks tingkah laku kewangan Islam

Pecahan Responden Mengikut Kategori Tahap Tingkah Laku Keuangan Islam

Gambar Rajah 8





Indeks Tingkah Laku Mengikut Demografik

Analisis lanjut untuk mengkaji perbezaan tingkah laku berpandukan demografik telah dijalankan dan diringkaskan dalam carta 12. Bermula dengan analisa mengikut jantina, kajian ini mendapati bahawa kaum lelaki merekodkan skor 87.2 lebih tinggi sedikit sahaja berbanding kaum wanita pada skor 84.3 yang meletakkan kedua-dua mereka di dalam kategori "bagus." Secara amnya, tiada perbezaan yang ketara yang dapat dikenal pasti untuk menyimpulkan bahawa tingkah laku kewangan Islam berbeza dari segi jantina.

Seiring dengan peningkatan usia, trend menaik dapat dilihat pada tingkah laku yang ditunjukkan. Dalam erti kata lain, mereka yang lebih berpengalaman mempunyai skor tingkah laku kewangan Islam yang lebih baik. Kumpulan umur responden yang bermula daripada 20 tahun ke 29 tahun merekodkan skor yang terendah sebanyak 81.5. Skor didapati meningkat bagi kumpulan umur yang seterusnya, sehinggalah skor yang tertinggi direkodkan oleh mereka yang berumur 60 tahun ke atas dengan skor sebanyak 88.4. Walaupun trend skor meningkat dapat dilihat, namun, kesemua kumpulan umur masih berada di dalam julat kategori tingkah laku kewangan yang sama iaitu "bagus."

Perkembangan tingkah laku kewangan Islam seseorang itu tidak dapat dikenal pasti apabila dilihat dari sudut kadar pendapatan. Trend yang tidak menentu menunjukkan bahawa kadar pendapatan tidak dapat mempengaruhi tingkah laku kewangan Islam seseorang itu akan menjadi lebih baik atau sebaliknya.

Konsisten dengan dapatan yang diperoleh dilihat dari segi pengetahuan kewangan, sudut status perkahwinan juga memberikan gambaran yang sama. Responden yang telah berkahwin menunjukkan skor yang tertinggi sebanyak 87.0 jika dibandingkan dengan responden yang berstatus bujang sebanyak 81.5 dan responden yang sudah bercerai merekodkan skor yang paling rendah iaitu 80.0. Walaupun begitu, skor yang diperoleh masih lagi berada di dalam julat kategori yang sama iaitu "bagus." Kesimpulannya, walaupun responden telah dikenal pasti mempunyai jurang yang besar pada tahap pengetahuan, namun ini berbeza dengan tingkah laku yang jurangnya telah dikenal pasti tidak begitu ketara.


Dalam dimensi pengetahuan kewangan, peningkatan pencapaian pendidikan memberi pengaruh kepada peningkatan tahap pengetahuan kewangan Islam. Namun apabila melihat dari sudut dimensi tingkah laku ini,

dapatan yang berbeza telah dikenal pasti. Skor tingkah laku kewangan yang telah direkodkan tidak mempunyai trend yang menaik apabila tahap pendidikan responden itu juga menaik. Kesimpulannya, tahap pendidikan tidak menjamin kepada tingkah laku kewangan yang lebih baik.

Begitu juga dengan analisis yang dilihat dari sudut perbezaan jenis pekerjaan. Kesemua skor berada di dalam julat kategori yang sama, walaupun mempunyai skor yang berbeza. Secara amnya, tiada perbezaan yang ketara mengikut profil demografik dalam kalangan responden.


Indeks Tingkah Laku Kewangan Islam Mengikut Demografik

Carta 12



Indeks Tingkah Laku Kewangan Islam Mengikut Komponen

Carta 13



Indeks Tingkah Laku Mengikut Komponen

Di dalam menilai tingkah laku kewangan Islam, beberapa komponen Islamik telah digunakan. Berdasarkan data mengenai komponen-komponen yang digunakan, kajian ini mendapati bahawa pengumpulan harta merekodkan skor yang tertinggi sebanyak 87.2, diikuti dengan komponen penyucian harta dan pengurusan hutang di mana kedua-duanya merekodkan skor sebanyak 86.8. Seterusnya, komponen pengagihan hutang berada di tangga yang ketiga dengan skor sebanyak 85.8. Akhir sekali, komponen perlindungan harta merekodkan skor yang paling rendah sebanyak 81.5. Senarai komponen bagi menggambarkan tahap tingkah laku kewangan Islam seperti di dalam carta 13.

Tingkah Laku-Pengumpulan Harta

Dalam pengurusan kewangan, pengumpulan harta boleh dibuat dengan menyimpan dalam institusi-institusi kewangan yang sah. Walaupun begitu, umat Islam juga diwajibkan untuk memastikan yang harta mereka dikumpul di institusi-institusi kewangan Islam dan patuh syariah. Kebanyakan akaun simpanan di institusi kewangan Islam negara ini menggunakan akad *Mudharabah* iaitu perkongsian untung rugi di antara pihak pelabur dengan pengusaha. Bagi kajian ini, indikator berkaitan amalan menyimpan di institusi kewangan patuh syariah telah diberikan kepada responden.

Merujuk kepada dapatan, skor sebanyak 87.2 direkodkan dan berada dalam julat kategori "bagus." Dapatan ini adalah selari dengan faktor kesedaran dan faktor agama dalam kalangan responden untuk memilih instrumen kewangan patuh syariah berbanding instrumen-instrumen kewangan konvensional yang ada di pasaran. Selain itu, ia juga mungkin dipengaruhi oleh peningkatan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan patuh syariah.

Tingkah Laku-Penyucian Harta

Bagi komponen penyucian harta, dua indikator berkaitan dengan pembayaran zakat dan amalan bersedekah telah digunakan bagi mengukur tahap tingkah laku kewangan Islam dari konteks penyucian harta. Skor purata yang dijana daripada kedua pernyataan menunjukkan tahap tingkah laku kewangan Islam dalam kalangan responden sebanyak 86.8 dan berada di dalam julat kategori "bagus."

Perbandingan kedua-dua indikator ini mendapati bahawa skor untuk pernyataan pembayaran zakat telah direkodkan lebih tinggi iaitu sebanyak 89.1 berbanding dengan skor untuk direkodkan bagi pernyataan berkaitan dengan amalan sedekah sebanyak 84.5. Walaupun begitu, kedua-dua skor ini masih berada di dalam julat kategori yang sama iaitu kategori "bagus."


Faktor kewajipan berzakat yang merupakan salah satu rukun Islam, dan galakan bersedekah dalam Islam adalah faktor yang boleh dikaitkan dengan skor yang dicatatkan oleh komponen ini.

Bagi meneliti tingkah laku pembayaran zakat dalam kalangan responden, soalan berkaitan jenis zakat telah diajukan. Empat jenis zakat yang dilazimi responden telah dianalisis. Gambar rajah 9 menunjukkan peratusan responden yang membuat bayaran zakat untuk setiap jenis zakat (jumlah responden berdasarkan kategori pembayar zakat).

85% daripada responden membayar zakat fitrah. Bagaimanapun, baki 15% yang tidak membayar zakat fitrah itu juga boleh diandaikan zakatnya dibayar oleh ahli keluarga. Selain itu, sebanyak 65% responden yang bekerja sendiri dalam kajian ini membayar zakat perniagaan.

Bayaran Zakat

Gambar Rajah 9



Manakala 53% responden yang mempunyai pendapatan, membayar zakat pendapatan mereka. Keadaan ini menunjukkan tingkah laku pembayaran zakat pendapatan sebagai tidak memuaskan. Penemuan yang menarik ialah apabila sebanyak 69% responden tidak membayar zakat simpanan.

Tingkah Laku-Pengurusan Hutang

Salah satu cara bagi membiayai kos untuk memiliki sesuatu aset seperti rumah atau kereta; atau menampung kos perubatan atau pelajaran adalah menerusi pembiayaan melalui institusi kewangan. Pembiayaan yang diambil hendaklah patuh syariah yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Kajian ini menilai sejauh mana tingkah laku responden dalam mengambil pembiayaan patuh syariah melalui indikator yang ditentukan.

Secara amnya, hasil kajian menunjukkan bahawa para responden memilih produk pembiayaan patuh syariah berbanding konvensional. Skor yang direkodkan adalah 86.8 dan dikategorikan sebagai "bagus." Seperti yang dibincangkan di dalam aspek pengumpulan harta, unsur kesedaran dan faktor agama mungkin menjadi unsur utama yang mempengaruhi tingkah laku responden dalam hal ini.

Bagi memahami dengan lebih lanjut tentang tingkah laku kewangan Islam dalam konteks pengurusan hutang, responden juga ditanya berkenaan tentang pembiayaan/pinjaman yang diambil. Gambar rajah 10 menunjukkan peratusan pengambilan pinjaman/pembiayaan dan peratusan sama ada fasiliti pinjaman yang diambil adalah konvensional atau patuh syariah.









Melihat kepada jenis pinjaman/pembiayaan (tidak mengira jenis konvensional atau patuh syariah) yang dilanggan oleh responden, kajian ini mendapati bahawa 65% daripada responden mempunyai pinjaman/pembiayaan sewa beli kenderaan, diikuti dengan 55% mempunyai pinjaman/pembiayaan perumahan. Selain daripada itu, 48% mempunyai pinjaman/pembiayaan peribadi, manakala 25% mempunyai kad kredit dan 23% mempunyai pinjaman/pembiayaan pendidikan. Tiga jenis pembiayaan yang kurang diambil oleh responden adalah pajak gadai/ar-rahnu, koperasi dan kedai perdagangan yang mana masing-masing merekodkan peratusan sebanyak 11%, 9% dan 8%.

Responden juga ditanya berkenaan dengan jenis pinjaman/pembiayaan yang diambil itu adalah konvensional atau patuh syariah. Kajian mendapati bahawa majoriti daripada responden mengambil fasiliti kredit yang berbentuk patuh syariah. Bagi responden yang mempunyai pembiayaan perumahan, 43% daripadanya mengambil produk kewangan Islam. Manakala responden yang mempunyai pembiayaan sewa beli kenderaan, 41% daripadanya menggunakan pembiayaan Islamik. Selain daripada itu, 38% mempunyai pembiayaan peribadi Islamik dan 15% mempunyai pembiayaan kad kredit Islamik.

Sebahagian daripada responden masih lagi mempunyai produk pinjaman konvensional. Seramai 24% daripada responden mempunyai pinjaman konvensional untuk pinjaman sewa beli kereta, diikuti dengan 12% daripada mereka mempunyai pinjaman konvensional yang diambil untuk perumahan. 10% daripada responden

Pinjaman

Gambar Rajah 10



mengambil pinjaman peribadi konvensional dan kad kredit. Dalam pada itu, 6% mempunyai pinjaman konvensional untuk pendidikan, 2% untuk pinjaman pajak gadai dan koperasi. Oleh kerana kedai perdagangan tidak diselia oleh mana-mana agensi pengawal selia, 5% daripada responden mempunyai pinjaman konvensional dengan kedai perdagangan.

Tingkah Laku-Pengagihan Harta

Terdapat beberapa pendekatan agihan harta yang dianjurkan oleh Islam yang meliputi agihan wajib dan agihan sunat. Selain daripada agihan dalam bentuk kewajipan berzakat-yang turut dikategorikan di bawah aspek penyucian harta; atau pembahagian pusaka-agihan selepas kematian seseorang; harta juga perlu diagihkan dalam bentuk pemberian nafkah iaitu pemberian wajib kepada orang di bawah tanggungan.

Dalam kajian ini, skor tingkah laku kewangan Islam responden bagi agihan harta adalah sebanyak 85.8 dan dikategorikan sebagai "bagus." Ini menunjukkan bahawa majoriti responden melaksanakan tanggungjawab memberi nafkah kepada tanggungan.

Tingkah Laku-Perlindungan Harta

Dalam sistem kewangan Islam sekarang, instrumen takaful merupakan satu instrumen yang diguna secara meluas bagi tujuan melindungi risiko-risiko kehidupan yang dihadapi oleh masyarakat. Produk-produk takaful menawarkan perlindungan patuh syariah untuk diri penyumbang dan keluarga mereka. Selain itu juga produk-produk takaful boleh digunakan bagi tujuan melindungi aset-aset daripada risiko-risiko kemusnahan dan kehilangan akibat kebakaran, bencana alam, kecurian dan sebagainya.

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan tahap tingkah laku kewangan Islam dari konteks perlindungan harta berada pada tahap kategori "bagus" dengan catatan skor yang direkod sebanyak 81.5. Walaupun skor ini berada dalam kategori bagus, namun skor yang diperolehi adalah yang terendah berbanding skor komponen-komponen yang lain dalam menjana indeks tingkah laku kewangan Islam. Faktor kesedaran tentang kepentingan perlindungan takaful yang masih rendah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah satu faktor yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada skor yang rendah.




**Indeks
Sikap
Kewangan
Islam**

Indeks Sikap Kewangan Islam


Indeks Sikap Kewangan Islam

Dimensi "Sikap" adalah dimensi yang terakhir dalam menilai literasi kewangan Islam. Nilai skor yang direkodkan untuk dimensi sikap ini adalah sebanyak 89.4 dan berada di dalam julat kategori "bagus." Ianya juga merupakan skor yang tertinggi di antara kesemua dimensi-dimensi yang digunakan. Pecahan responden mengikut tahap kategori diperincikan di dalam gambar rajah 11. Seramai 48% daripada responden dikategorikan sebagai "sangat bagus" dan 31% dikategorikan sebagai "bagus." Keadaan ini menjadikan jumlah responden yang mempunyai tingkah laku kewangan yang boleh dibanggakan sebanyak 77% yang mewakili lebih separuh daripada jumlah keseluruhan responden yang berada dalam tahap sikap yang terbaik. Sementara itu, seramai 18% daripada responden dikenal pasti mempunyai tahap sikap kewangan Islam "sederhana tinggi." Baki responden yang sedikit seramai 3% sahaja yang dikategorikan sebagai "sederhana rendah" dan "lemah." Pecahan responden mengikut tahap sikap kewangan Islam.



Pecahan Responden Mengikut Tahap Sikap Kewangan Islam

Gambar Rajah 11



Indeks Sikap Mengikut Profil Demografik


Beberapa analisis berpandukan perbezaan demografik dalam bab yang sebelum ini mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam dimensi pengetahuan, tetapi kajian mendapati tingkah laku mempunyai dapatan yang berbeza. Bagi dimensi sikap ini juga telah dikaji berdasarkan perbezaan demografik dan diringkaskan di dalam

carta 14. Bab ini akan membahaskan tentang cara analisis yang sama iaitu analisa berpandukan demografik.

Seperti biasa, analisis dijalankan dengan melihat perbezaan skor di antara jantina terlebih dahulu yang mendapati bahawa lelaki merekodkan skor sikap kewangan Islam sebanyak 90.8 dan kaum

Indeks Sikap Kewangan Islam Mengikut Demografik

Carta 14





wanita pula merekodkan skor sebanyak 88.3. Walaupun skor yang direkodkan tidak begitu ketara perbezaannya, kaum lelaki berada dalam julat kategori "sangat bagus" manakala wanita berada dalam julat kategori "bagus." Sungguhpun begitu, kedua-duanya berada mencatatkan pencapaian yang memuaskan.

Dapatan skor sikap kewangan Islam yang lebih tinggi bagi golongan lelaki mungkin berpunca daripada prinsip Islam yang menekankan peranan kaum lelaki sebagai ketua keluarga yang perlu memandu ahli keluarga, terutamanya dalam konteks yang melibatkan aspek pengurusan kewangan.

Ini mungkin disebabkan oleh lebih banyak masa terluang yang dimiliki lelaki, sementara wanita lebih banyak terlibat dalam urusan rumah tangga seperti mengemas rumah dan menjaga anak-anak, meskipun mendapat bantuan daripada suami (Ashaari et al., 2021).

Sikap kewangan Islam juga berbeza apabila seseorang itu meningkat umur. Data yang dibentangkan menunjukkan trend yang menaik atau positif apabila kumpulan umur itu menaik. Mereka yang berumur di antara 20 ke 29 tahun dan kumpulan umur 30 ke 39 tahun berada dalam julat kategori yang sama iaitu "bagus," apabila didapati skor masing-masing direkodkan sebanyak 87.4 dan 89.3. Bagi mereka yang berumur 40 ke 49 tahun dan 50 ke 60 pula dikategorikan sebagai 'sangat bagus' apabila masing-masing merekodkan skor sebanyak 90.1 dan 92.1.

Selari dengan peningkatan usia, inisiatif dan aktiviti kesedaran masyarakat melalui kuliah-kuliah agama di masjid (Kadir, 2009; Wahab et al., 2017; Muhyiddin & Ridouan, 2020) dan khutbah jumaat (Ismail & Sobali, 2020; Musa & Daud, 2022) juga mungkin mempengaruhi sikap golongan lelaki yang sudah berkahwin dan berusia mempunyai lebih masa lapang berbanding golongan lelaki muda yang sibuk membina kerjaya.

Mereka yang sudah berkahwin merekodkan skor yang paling tinggi sebanyak 89.9 yang diikuti dengan mereka yang berstatus bujang sebanyak 88.2 yang menjelaskan mereka di dalam julat kategori "bagus." Dalam pada itu, mereka yang telah bercerai berada di julat kategori "sederhana tinggi" dengan merekodkan skor sebanyak 78.0.

Tahap pendidikan seseorang itu tidak menjamin sikap kewangan yang baik. Dapatan ini dapat diterjemahkan dengan data yang jelas tidak menunjukkan apa-apa trend. Perbezaan daripada segi jenis pekerjaan pula menunjukkan bahawa mereka yang bekerja sendiri, bersara dan swasta mempunyai sikap yang "sangat bagus," dengan masing-masing merekodkan skor sebanyak 92.5, 91.1 dan 90.0. Baki responden yang bekerja di sektor kerajaan dan pelajar pula masing-masing merekodkan skor sebanyak 89.1 dan 88.3 yang meletakkan mereka di dalam julat kategori "bagus." Mereka yang tidak bekerja merekodkan skor yang paling rendah sebanyak 86.5. Walaupun begitu, mereka masih lagi berada di dalam julat kategori "bagus."


Indeks Sikap Mengikut Komponen

Analisis penilaian indeks "Sikap Keuangan Islam" di dalam kajian ini menggunakan 5 komponen yang telah dibincangkan di dalam bab pembentukan indeks literasi keuangan Islam. Berdasarkan dapatan daripada analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa komponen pengurusan hutang

dan penghasilan harta berada di dalam julat kategori "sangat bagus" apabila kedua-duanya merekodkan skor sebanyak 94.3 dan 90.6. Baki komponen yang lain seperti perlindungan harta, pengagihan harta dan pengumpulan harta masing-masing merekodkan skor sebanyak 88.9, 87.5 dan 85.8 dan dikategorikan sebagai "bagus."

Sikap Pengurusan Keuangan Islam

Carta 15



Sikap-Pengurusan Hutang


Dalam komponen pengurusan hutang, hanya satu indikator yang digunakan dengan memasukkan elemen sikap terhadap pembayaran hutang yang menekankan kepentingan untuk menyelesaikannya sebelum meninggal dunia. Skor yang tinggi sebanyak 94.3 seperti dalam carta 16, menunjukkan bahawa majoriti mempunyai sikap yang sangat baik dalam menjalankan tanggungjawab membayar balik pembiayaan yang telah dibuat.

Sikap-Penghasilan Harta

Dari segi penghasilan harta, skor yang direkodkan sebanyak 90.6 menggambarkan sikap bagi kebanyakan responden berada di dalam kategori "sangat bagus."


Sikap-Pengurusan Hutang

Carta 16




Sikap-Penghasilan Harta

Carta 17



Sikap-Perlindungan Harta

Tiga indikator digunakan untuk menilai komponen perlindungan harta. Indikator yang direkodkan skor yang tertinggi adalah tidak tergesa-gesa di dalam memindahkan wang sebelum memastikan kesahihan transaksi dan maklumat penerima. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersikap sangat berhati-hati dalam perkara ini. Ini diikuti dengan skor menilai keperluan untuk berbelanja dan merasakan kepentingan perlindungan takaful, masing-masing merekodkan skor sebanyak 88.5 dan 88.0.




Sikap-Pengagihan Harta

Kepercayaan majoriti responden bahawa setiap anak wajib memberi nafkah secukupnya kepada ibu bapa yang fakir adalah berada pada tahap "bagus" di mana skornya yang direkodkan sebanyak 87.5.

Sikap-Pengagihan Harta

Carta 18

Saya percaya bahawa setiap anak wajib memberi nafkah secukupnya kepada ibu bapa yang fakir




Sikap-Perlindungan Harta

Carta 19

Saya tidak tergesa-gesa memindahkan wang sebelum memastikan kesahihan transaksi dan maklumat penerima

Saya sentiasa menilai keperluan untuk berbelanja sebelum membuat sesuatu pembelian

Saya merasakan keperluan perlindungan takaful itu penting






Sikap-Pengumpulan Harta

Dalam usaha mengumpulkan harta, terdapat beberapa komponen Islamik yang perlu dipatuhi oleh umat Islam. Sikap yang baik dalam memastikan pelaburan adalah patuh syariah merekodkan skor yang tertinggi iaitu sebanyak 92.5. Begitu juga dengan sikap yang penting di dalam memastikan simpanan yang dibuat di tempat yang patuh syariah berada di tahap

"sangat bagus" dengan skor yang direkodkan sebanyak 90.7. Bersyukur juga adalah sikap yang dituntut dan secara amnya, responden merekodkan skor 86.4 dan berada di dalam julat kategori "bagus." Indikator yang direkod sebagai skor yang terendah sebanyak 73.7 adalah sikap kepercayaan bahawa anak tiri boleh menerima harta yang diwasiatkan dengan julat kategori sederhana tinggi.

Sikap-Pengumpulan Harta

Carta 20



MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

**Literasi
Kewangan
Digital**

Literasi Kewangan Digital

Kajian ini juga membuat tinjauan bagi memahami tahap literasi kewangan digital dalam kalangan responden yang merupakan individu beragama Islam. Tujuan kaji selidik ini adalah untuk melihat sejauh manakah kemahiran digital kewangan dalam kalangan responden.

Responden ditanya sama ada mereka tahu tentang fasiliti digital dan adakah mereka menggunakan perkhidmatan tersebut. Dapatan analisis ini diterjemahkan di dalam carta 21. Kajian mendapati bahawa hampir kesemua responden menjawab yang mereka tahu tentang e-dompot (94%). Walau bagaimanapun, hanya 81% menyatakan yang mereka menggunakan perkhidmatan tersebut.

Secara amnya, ramai yang cakna dengan perbankan mudah alih lain sebanyak 93% dan kesemua yang tahu sememangnya menggunakannya. Selain itu, sebilangan daripada 55% responden mengatakan mereka tahu tentang pemindahan wang asing

atas talian dan hanya 44% yang menggunakannya.


Sementara itu, kurang sedikit daripada separuh 42% tahu tentang tukaran wang asing atas talian. Walau bagaimanapun, cuma 9% yang menggunakan perkhidmatan ini.

Pendanaan awam tidak begitu popular dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia di mana hanya 39% sahaja yang mengetahui tentang perkara itu dan hanya 13% yang menggunakannya. Begitu juga dengan mata wang kripto yang hanya 38% mengatakan mereka tahu dan hanya 7% yang menggunakannya.

Penasihat robo (*robo advisor*) adalah item yang kedua rendah-hanya 16% sahaja yang mengetahui dan hanya 6% yang menggunakannya. Pembiayaan antara rakan setara (*peer-to-peer financing*) adalah perkara yang paling tidak diketahui oleh responden di mana terlalu sedikit (7%) sahaja yang tahu tentangnya dan hanya 3% yang menggunakannya.

Adakah Anda Tahu Tentang Terma Teknologi Kewangan dan Menggunakannya

Carta 21



Teknologi Memberi Kemudahan Dalam Pengurusan Kewangan Islam

Carta 22 menunjukkan peratusan responden membuat transaksi dengan menggunakan kemudahan perbankan internet. Transaksi yang disenaraikan dibezakan mengikut transaksi umum dan juga transaksi yang berkaitan dengan komponen pengurusan kewangan Islam. Secara umum dan kebiasaannya, teknologi perbankan internet digunakan untuk membayar bil, membuat simpanan dan perpindahan wang.

Apabila diteliti tentang transaksi yang berkaitan dengan komponen pengurusan kewangan Islam, memberi sedekah secara atas talian adalah transaksi yang dilakukan oleh kebanyakan responden iaitu sebanyak 60%.

Ini diikuti dengan pembayaran pembiayaan sebanyak 52% di mana cara pembayaran pembiayaan dengan menggunakan kemudahan perbankan internet telah lama tersebar luas.


Urusan membayar zakat lebih mudah dengan menggunakan platform atas talian dan ia telah mendapat penerimaan yang baik. Ini berdasarkan kepada sebanyak 47% daripada keseluruhan responden membayar zakat menggunakan kaedah atas talian.



Baki jenis transaksi seperti sumbangan takaful, nafkah, wakaf dan wasiat masing-masing merekodkan peratusan responden sebanyak 36%, 26%, 11% dan 6%.

Penggunaan Kemudahan Perbankan Internet

Carta 22



MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

**Ke Arah
Memantapkan
Literasi
Kewangan
Islam**

Ke Arah Memantapkan Literasi Kewangan Islam

Kajian ini meneliti tahap literasi kewangan Islam dalam kalangan responden di sekitar Lembah Klang. Didapati bahawa wujudnya perbezaan tahap literasi kewangan berdasarkan profil. Berdasarkan dapatan ini, beberapa saranan sebagai usaha untuk meningkatkan tahap literasi kewangan Islam dalam kalangan masyarakat Muslim disenaraikan seperti berikut:

Penekanan terhadap topik yang perlu diberi perhatian

Seperti yang telah dibincangkan, topik pengurusan kewangan Islam yang luas merangkumi komponen-komponen seperti pengurusan hutang, penyucian harta, perlindungan harta, pengagihan harta, pengumpulan harta dan penghasilan harta. Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Muslim tentang literasi kewangan Islam, topik-topik ini hendaklah dibincangkan dalam program-program kesedaran dan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, berdasarkan kajian ini, keutamaan penekanan kepada topik-topik yang dibincangkan hendaklah ditumpu kepada bidang-bidang yang telah dikenal pasti sebagai kurang memuaskan.

Sebagai panduan, kajian ini telah mengenal pasti beberapa topik yang kurang dikuasai oleh responden khususnya dalam bab pengetahuan. Beberapa indeks pengetahuan telah memberi gambaran tentang tahap kefahaman yang lemah dalam pengurusan kewangan Islam seperti berikut:

- a) Pengurusan hutang:
 - Peranan saksi di dalam perjanjian pinjaman
 - Keperluan pinjaman
- b) Penyucian harta:
 - Wakaf
 - Zakat simpanan
- c) Perlindungan harta:
 - Penipuan kewangan
 - Takaful dan keperluannya
- d) Pengagihan harta:
 - Hibah
 - Wasiat
 - Faraid
- e) Pengumpulan harta
 - Konsep pelaburan dan risiko
 - Penerimaan harta waris

Penekanan kepada pembelajaran yang berimpak tinggi untuk mempengaruhi tingkah laku yang positif

Adalah penting untuk memahami dan menyusun strategi dalam menyampaikan pembelajaran berimpak tinggi yang mampu menyumbang kepada perubahan tingkah laku positif. Pembelajaran atau maklumat yang diberikan hendaklah disampaikan dengan baik dan efektif. Sebagai contoh, apabila pembelajaran yang dijalankan dengan cara yang menyeronokkan dan penglibatan oleh peserta juga baik, kebarangkalian untuk peserta mengingat perkara yang dipelajari adalah tinggi.

Sebaliknya, pembelajaran menerusi kaedah mendengar fakta tanpa amali boleh menyebabkan sesuatu maklumat itu tidak dipelajari dengan baik. Dalam hal ini, penggunaan teknik simulasi interaktif dan latihan penyelesaian masalah berdasarkan kes kehidupan sebenar membantu orang ramai untuk memahami pengurusan kewangan Islam dengan lebih baik seterusnya membawa kepada perubahan positif dalam tingkah laku.

Kajian ini juga mendapati bahawa beberapa tingkah laku perlu ditambah baik seperti pengambilan pinjaman konvensional yang mempunyai unsur riba dan pembayaran zakat simpanan yang masih belum berada pada tahap memuaskan dalam kalangan masyarakat Muslim.

Advokasi berterusan dalam saluran digital di samping menggunakan naratif yang berkesan, khususnya kepada kalangan golongan muda

Golongan muda telah dikenal pasti sebagai profil yang mempunyai literasi kewangan Islam yang rendah. Oleh yang demikian, golongan ini harus diberi lebih perhatian kerana mereka yang akan membentuk generasi masyarakat Muslim pada masa akan datang.

Di samping pembelajaran yang berstruktur, advokasi tidak formal yang menggunakan platform digital juga seharusnya digunakan. Bagi memastikan kempen advokasi lebih berjaya, idea "pengurusan kewangan berlandaskan syariat Islam" perlu ditekankan. Ini termasuklah memberi perhatian kepada kepentingan untuk mempunyai rancangan perbelanjaan yang

teratur dan memenuhi keperluan syariat Islam bagi menjamin keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Dalam bahan kempen juga wajar ditekankan tentang impak negatif hasil daripada pengurusan kewangan yang tidak teratur dan memuatkan kesan negatif yang akan ditanggung akibat daripada ketidakpatuhan syariah dalam pengurusan kewangan.

Penggunaan peranti yang meluas pada masa kini harus dimanfaatkan bagi mencapai sasaran golongan tertentu. Dalam hal ini, kecenderungan anak muda dalam menggunakan media digital wajar dimanfaatkan sebagai ejen penyampaian kempen pengurusan kewangan Islamik. Sebagai contoh, gamifikasi akan menambah elemen mendebarkan dalam pembelajaran seterusnya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan akhirnya akan membawa kepada hasil yang lebih baik. Golongan muda yang kebiasaannya mahir menggunakan teknologi ini juga seharusnya digalakkan meneroka teknologi atau aplikasi yang boleh memudahkan mereka mengurus kewangan dengan baik.

Usaha sama dalam kalangan pemegang-pemegang taruh yang berkaitan

Pemantapan literasi kewangan Islam dalam kalangan Muslim boleh dicapai dengan usaha sama yang dijalankan secara holistik. Kolaborasi di antara pemegang-pemegang taruh diperlukan bagi memastikan agenda pemantapan literasi kewangan Islam ini dapat direalisasikan. Tanggungjawab ini bukan sahaja perlu dipikul oleh agensi-agensi kerajaan, sebaliknya juga memerlukan sambutan yang baik dalam kalangan pemegang taruh lain seperti agensi bukan kerajaan, organisasi komuniti, pihak swasta dan lain-lain.

Pengajaran pengurusan kewangan Islam ini hendaklah dimulakan dan ditekankan di peringkat awal persekolahan lagi. Oleh itu, untuk menyokong pendidikan kewangan di sekolah, antara perkara yang boleh diusahakan ialah dengan memperkasa pendidikan kewangan dalam kurikulum yang sedia ada melalui kepelbagaian aktiviti dan bukannya menambah silibus yang baharu.

Perkara ini boleh dilakukan menerusi kegiatan luar bilik darjah menerusi usaha sama pihak-pihak bukan kerajaan untuk menaja aktiviti kempen kewangan, seminar pendidikan kewangan Islam, pertandingan literasi kewangan dan sebagainya. Bahkan sebenarnya usaha ini tidak seharusnya terhad di peringkat sekolah sahaja kerana ia wajar diteroka di pelbagai peringkat institusi pendidikan tinggi.

Dalam sektor pekerjaan pula, majikan boleh menawarkan program pendidikan kewangan untuk pekerja sekali gus meningkatkan tahap kesihatan kewangan dan memperkaya maklumat tentang literasi kewangan Islam dalam kalangan pekerja. Bagi menyubur amalan usaha sama dalam meningkatkan tahap literasi kewangan Islam ini, pihak kerajaan perlu menawarkan insentif kepada pihak-pihak yang terlibat.

Meningkatkan kuantiti dan kualiti perundingan kewangan Islam

Industri perundingan kewangan sudah lama beroperasi di negara ini. Di antara operasinya ialah memberi khidmat nasihat kewangan kepada pengguna seperti memanfaatkan sumber kewangan yang ada dan menguruskannya dengan baik. Sebagai nilai tambah untuk menyuburkan industri ini, perunding kewangan disarankan untuk mendapatkan latihan berkaitan pengurusan kewangan Islam. Perkara ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan literasi Islam dalam kalangan Muslim tetapi juga meningkatkan penguasaan pasaran (*market share*) kewangan Islam, sekali gus akan menambah pendapatan dan keuntungan pihak industri. Selain pemain industri profesional, pihak individu berpengaruh seperti penceramah agama, motivator dan pempengaruh turut didapati memberi nasihat pengurusan kewangan. Oleh itu, mereka dicadangkan untuk mengambil latihan pengurusan kewangan Islam untuk meneroka input kewangan Islamik sebagai bahan dalam penyampaian.

Kajian yang menyeluruh diperlukan

Oleh kerana responden yang menyertai kajian ini adalah terhad dalam kalangan mereka yang berada di Lembah Klang sahaja, dapatan ini hanya terpakai untuk menggambarkan tahap literasi kewangan Islam dalam kalangan Muslim di Lembah Klang sahaja. Kajian yang menyeluruh pada peringkat kebangsaan wajar dilakukan pada masa akan datang dengan kolaborasi pemegang-pemegang taruh yang berkenaan.



Rujukan

- Agarwalla, S. K., Barua, S. K., Jacob, J., & Varma, J. R. (2013). Financial Literacy among Working Young in Rural India. In J. Advances in Bus. Management (Vol.10).
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.14260/jadbm/2017/31>
- AKPK. (2018a). Financial Behaviour and State of Financial Well-being of Malaysian Working Adults AKPK Financial Behaviour Survey 2018 (AFBeS'18).
- AKPK. (2018b). Financial Behaviour for Quality Lifetime. AKPK Financial Literacy Symposium 2018.
- Atkinson, A., & Messy, F.-A. (2011). Assessing Financial Literacy in 12 Countries: An OECD/INFE International Pilot Exercise. 10(4), 657–665.
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.1017/S1474747211000539>
- Bucher-koenen, T., & Lusardi, A. (2015). of Pension Economics and Finance : Financial literacy and retirement planning in Germany Financial literacy and retirement planning in Germany *. (2011), 565–584.
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.1017/S1474747211000485>
- Choirunnisak (2017), Konsep Pengelolaan Kekayaan Dalam Islam, Islamic Banking Vol 3 Nomor 1:
Diambil daripada:
<https://ejournal.stebisigm.ac.id/index.php/isbank/article/download/74/63/>
- Eagly and Chaiken. 1993. The Psychology of Attitudes. Fort Worth, TX: Harcourt, Brace, &Janovich, 794 pp.
- Hasibuan, B. K., Lubis, Y. M., & HR, W. A. (2017). Financial Literacy and Financial Behavior as a Measure of Financial Satisfaction. In Advances in Economics, Business and Management Research (AEBMR) (Vol. 46).
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.2991/ebic-17.2018.79>
- Huston, S. J. (2010). Measuring Financial Literacy. The Journal of Consumer Affairs, 44(2), 296–316.
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.1111/j.1745-6606.2010.01170.x>
- Klapper, L., Lusardi, A., & Panos, G. A. (2013). Financial literacy and its consequences : Evidence from Russia during the financial crisis. Journal of Banking and Finance, 37(10), 3904–3923.
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.1016/j.jbankfin.2013.07.014>
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2011). Financial Literacy and Retirement Planning in the United States. In Working Paper 107/11 Center for Research on Pensions and Welfare Policies.
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.1017/S147474721100045X>
- Lusardi, A., & Tufano, P. (2008). Debt Literacy, Financial Experiences, and Over indebtedness.
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.1017/s1474747215000232>

- OECD. (2005). *Improving Financial Literacy, Analysis of Issues and Policies Financial*. In OECD Publishing.
Diambil daripada:
<https://doi.org/10.2469/cfm.v25.n1.3>
- OECD. (2014). *PISA 2012 Results: Students and Money: Financial Literacy Skills for the 21st Century (Volume VI)*, PISA, OECD Publishing.
- OECD INFE. (2011). *Measuring Financial Literacy: Core Questionnaire in Measuring Financial Literacy: Questionnaire and Guidance Notes for conducting an Internationally Comparable Survey of Financial literacy*. In Paris OECD.
Diambil daripada:
<https://www.oecd.org/finance/financial-education/49319977.pdf>
- OECD INFE, Atkinson, A., & Messy, F.-A. (2012). *Measuring Financial Literacy: Results of the OECD / International Network on Financial Education (INFE) Pilot Study*.
- OECD. (2016). *OECD/INFE International Survey of Adult Financial Literacy Competencies*.
- Remund, D. L. (2010). *Financial Literacy Explicated : The Case for a Clearer Definition in an Increasingly Complex Economy*. 44(2), 276–295.
- Rooij, M. van, Lusardi, A., & Alessie, R. (2007). *Financial Literacy and Stock Market Participation*.
- Rooij, M. van, Lusardi, A., & Alessie, R. (2009). *Financial Literacy and Retirement Planning in the Netherlands*.
Diambil daripada:
https://www.dnb.nl/binaries/231_Financial_Literacy_and_Retirement_Planning_in_the_Netherlands_tcm46-225547.pdf

Kumpulan Penyelidik

Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Dr. Aisyah Abdul Rahman
Dr. Syajarul Imna Mohd Amin
Dr. Hawati Janor (bersara)

Institut Kefahaman Islam Malaysia

Dr. Muhammad Hisyam Mohamad
Siti Fatimah Abdul Rahman
Nur Syahidah Abdul Jalil

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Mohammad Mafrukhin Mokhtar
Syakirah Ismail
Ikhwan Abdul Malik (Pereka)

Universiti Sains Islam Malaysia

Dr. Muhammad Hafiz Saleh (Penasihat Tafsir Al-Quran dan Hadis)

Untuk Pertanyaan Lanjut, Sila Hubungi:


Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Level 5 & 6, Menara Aras Raya,

11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Tel: 03 2616 7766 / 03 2610 5633

Email: research@akpk.org.my



e ISBN 978-629-99900-0-0



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Level 5 & 6, Menara Aras Raya,
11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel: 03 2616 7766 / 03 2610 5633
Email: research@akpk.org.my